

Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2019 | BIL. 27



**UniSZA Ke Arah Hub
Pendigitalan Manuskip
Sedunia**
- Naib Canselor

Pengurusan Tertinggi

- Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Naib Canselor
- Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
- Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- En. Ismail Ahmad
Pendaftar
- Pn. Shakimah Endut
Bendahari
- Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang
- Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan
- Pn. Norulhuda Makhtar
Ketua Pustakawan
(Menjalankan Tugas)

Sidang Editor

- Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA
- Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
- Dr. Mohd Razif Shahril
Fakulti Sains Kesihatan
- En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Antarabangsa
- En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Pn. Roslida Abdul Razak
Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
- Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA
- En. Kaswadi Yusoff
Pusat Teknologi Maklumat
- Pn. Siti Naqiah Saad
Penerbit UniSZA
- En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Penyumbang Bahan

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
5. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
6. Fakulti Perubatan
7. Fakulti Sains Sosial Gunaan
8. Institut Kajian Pengeluaran Pertanian dan Inovasi Makanan
9. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
10. Pejabat Wakaf dan Endowmen
11. Penerbit UniSZA
12. Perpustakaan UniSZA
13. Pusat Antarabangsa
14. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA
15. Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat
16. Pusat Kesenian dan Warisan
17. Pusat Komunikasi Korporat
18. Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran
19. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
20. Pusat Sukan dan Rekreasi
21. Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam, FBIM
22. En. Mohd Shahrizal Nasir, FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2019. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2019

Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

DEMI FAEDAH INSAN



Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	5
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	17
Rencana	21
Pencapaian	24
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	28
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	38
Sukan dan Ko-Kurikulum	42



Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan

Dilantik sebagai Naib Canselor UniSZA Ketiga

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melantik Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan sebagai Naib Canselor UniSZA yang keempat bagi tempoh selama tiga tahun, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2019 hingga 31 Januari 2022.

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pelantikan beliau mengantikan Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif yang telah tamat pada 31 Januari 2019.

Berlatar belakang pendidikan dalam Bahasa Arab, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Universiti Kuwait (1987); Sarjana (Kesusasteraan) Universiti St. Andrews, Scotland (1992) dan mendapat Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Edinburgh, Scotland (2000).

Antara kerjaya awal beliau ialah bertugas sebagai penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan pembantu penyelidik Kuwait Zakat House. Sebagai ahli akademik, beliau memulakan tugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya (UM) (1987-2011) sebelum dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pengajian Malaysia, Cairo University Mesir (2007-2011). Sekembalinya ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai profesor di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Idris (UPSI).

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri amat aktif dalam penulisan ilmiah. Beliau telah menghasilkan lebih 30 buah buku/bab buku, 20 artikel jurnal akademik dan kertas prosiding yang diterbitkan di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Selain itu, beliau turut aktif memberi konsultansi sebagai pensyarah pelawat, penilai luar dan ahli lembaga penasihat akademik kepada beberapa institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.

Dalam aspek kepimpinan dan pengiktirafan, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri telah dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI) pada 2014, Ketua Panel Menggubal Kurikulum Bahasa Arab bagi Sekolah Agama di Malaysia, Lembaga Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012-2015) dan merupakan ahli alumni Yayasan Fulbright, Amerika Syarikat sejak 2007.

Beliau juga amat aktif dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Askar Wataniah dan dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Setia (berkhidmat melebihi 15 tahun) oleh Kementerian Pertahanan (2006). Beliau juga merupakan Pegawai Memerintah (*Commanding Officer*) Batalion 516, Regimen Askar Wataniah Malaysia dan Timbalan Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UM dan USIM.

Pendidikan untuk Semua, Tanggungjawab Semua

Mohd Shahrizal Nasir
Emel: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Setelah mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Menteri Pendidikan Malaysia pada tanggal 21 Mei 2018, kehadiran tahun 2019 merupakan satu lagi lembaran baharu bagi meneruskan rencana perjalanan pendidikan negara. YB. Dr. Maszlee Malik memulakan perjalanan tahun baharunya dengan menyampaikan Amanat Tahun Baharu Menteri Pendidikan Malaysia pada 19 Januari bertempat di Universiti Putra Malaysia. Usaha ini dilihat sebagai satu perkara penting bagi memastikan setiap individu yang berada dalam sektor pendidikan memahami dengan jelas perjalanan pendidikan negara yang perlu digerakkan secara kolektif oleh semua pihak sepanjang tahun 2019.

Amanat dimulakan dengan menyentuh Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh YAB. Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991. Antara lain Wawasan 2020 menggariskan hasrat membina bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan kepelbagaiannya etnik dan kepercayaan. Dengan keadaan hari ini, usaha untuk mencapai Wawasan 2020 pastinya berdepan dengan pelbagai cabaran. Justeru, YB. Menteri Pendidikan menarik perhatian hadirin agar menerima hakikat bahawa pendidikan merupakan titik mula kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu sebagaimana yang menjadi asas Wawasan 2020. Beliau dengan jelas menyatakan bahawa pendidikan ialah jalan sebenar menuju ke arah matlamat mencapai Wawasan 2020.

Apabila menyentuh perihal Wawasan 2020 yang merupakan aspirasi negara, maka sektor pendidikan perlu bergerak seiring dengan aspirasi tersebut. YB. Menteri menjelaskan bahawa usaha memperkasakan sektor pendidikan perlu dilihat berdasarkan acuan asal yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Semua perkara ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain yang natijahnya diharap dapat melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki ciri-ciri unggul yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



Pendidikan merupakan sektor yang dekat dengan kehidupan rakyat. Ia tidak boleh dipisahkan ataupun dijarakkan meskipun seinci. Oleh itu, YB. Menteri menggariskan perkara penting yang perlu disedari oleh semua pihak iaitu sekolah dan universiti merupakan institusi pendidikan yang ditubuh dan diperkasakan untuk masyarakat. Pendidikan perlu difokuskan kepada masyarakat bagi melahirkan insan yang berguna daripada kalangan masyarakat. Pendidikan juga perlu menjadi penyelesai kepada masalah-masalah yang melanda masyarakat. Pendek kata, pendidikan melibatkan tanggungjawab semua pihak dan ia tidak boleh dilihat terasing dengan masyarakat.

Bagi memastikan pendidikan dekat dengan masyarakat, YB. Menteri telah menggariskan dua visi penting iaitu menjadikan sekolah kerajaan sebagai sekolah pilihan dan mengembalikan wibawa universiti awam dan institusi pengajian tinggi. Kedua-dua visi ini melibatkan bidang kuasa Kementerian Pendidikan yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pendidikan di sekolah, tetapi juga melibatkan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Untuk merealisasikan visi tersebut, tiga hala tuju telah digariskan iaitu pendidikan berteraskan nilai, peningkatan kualiti seluruh sistem pendidikan serta autonomi dan akauntabiliti untuk sekolah dan universiti.

“Pendidikan bukanlah tentang penghujungnya semata-mata, tetapi proses berterusan mengejarnya” ucap YB. Menteri yang perlu menjadi perhatian semua pihak dalam sektor pendidikan. Oleh itu, dalam usaha mendidik anak-anak kita perlu menekankan aspek kecintaan terhadap mereka. Akhirnya nanti, mereka akan mencintai ilmu dan terus membesar sebagai seorang insan yang sentiasa cintakan ilmu pengetahuan. Rentetan daripada itu, pendidikan tidak boleh hanya terhad dalam bilik darjah atau dewan kuliah. Konsep pembelajaran yang baik mestilah relevan di setiap masa dan setiap tempat. Justeru, ketinggian kualiti merupakan elemen penting sebagai pemangkin kepada kecemerlangan pendidikan. Antara perkara yang ditekankan oleh YB. Menteri ialah pendidikan STREAM (*Science - Technology - Reading - Engineering - Arts - Mathematics*) yang perlu diberi tumpuan agar sains difahami sebagai satu cara hidup. Bagi merealisasikan pelbagai inisiatif baharu dalam pendidikan, YB. Menteri telah menyatakan bahawa kementeriannya sangat mengutamakan konsep autonomi dan akauntabiliti. Hal ini diyakini dapat memberi peluang kepada semua pihak di sekolah dan universiti untuk membuat keputusan

berdasarkan kemahiran dan keunikian masing-masing. Semua inilah yang menjadi hala tuju utama dalam mencapai dua hasrat kementerian yang telah dinyatakan tadi.

Selain itu, YB. Menteri turut menjelaskan empat bahagian yang perlu menjadi tumpuan penting di sekolah. Pertama, sekolah perlu menjadi sebuah institusi menimba ilmu yang selamat dan sejahtera dengan kelengkapan dan kemudahan asas yang diperlukan. Pembangunan Sekolah Daif pada tahun 2019 akan ditambah baik dari aspek penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan. Kedua, proses pengajaran perlu berlangsung dalam suasana gembira dan menyeronokkan. Oleh itu, kementerian berusaha keras untuk mengembalikan tugas hakiki para guru iaitu mendidik dan mengajar. Beberapa inisiatif turut diwujudkan bertujuan meringankan beban guru. Ketiga pula melibatkan proses pembelajaran. Penekanan diberikan terhadap aspek berorientasikan pembelajaran (*learning-centered*) dan tidak lagi berorientasikan peperiksaan (*exam-oriented*). Justeru pentaksiran alternatif akan diperkenalkan untuk murid tahap satu bagi mengganti Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun yang telah lama diamalkan di sekolah rendah. Manakala bahagian keempat pula berkaitan pendidikan inklusif yang melibatkan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), golongan B40, orang asli dan kanak-kanak tanpa dokumen agar mereka turut mendapat peluang pendidikan yang sama seperti murid lain.

YB. Menteri tidak pernah mengetepikan kebijakan dan keperluan pendidikan di peringkat tinggi. Beliau menyatakan keazamannya untuk mengajak semua para pentadbir dan pendidik untuk mengembalikan kewibawaan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Oleh itu, beliau menggariskan empat hala tuju khusus untuk universiti awam dan institusi pengajian tinggi iaitu melibatkan kualiti, autonomi, kolaborasi dan pengantarabangsaan. Kempat-empat hala tuju ini perlu diberi tumpuan yang serius oleh semua pihak bagi memastikan kelangsungan sistem pendidikan negara berjalan dengan lancar dan teratur bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Hala tuju pertama yang digariskan oleh YB. Menteri melibatkan ketinggian kualiti pendidikan tinggi yang dapat diserahkan melalui perdebatan teori, percanggahan wacana dan perkongsian ilmu yang bersifat meriah dan terbuka. Semua ini hanya boleh berlangsung dengan harmoni sekiranya para akademik menyerlahkan kewibawaannya melalui penghasilan karya-karya yang bermanfaat serta

para pelajarnya hidup dengan budaya wacana yang bersifat intelektual. Selain itu, perkara-perkara melibatkan etika, geran penyelidikan, kenaikan pangkat, perpustakaan sebagai gedung ilmu turut disentuh oleh YB. Menteri sebagai isi yang dikaitkan dengan elemen pertama hala tuju berkaitan institusi pengajian tinggi. Hala tuju kedua pula berkaitan autonomi di universiti. Autonomi diberikan kepada universiti dan kluster-kluster tertentu untuk menentukan petunjuk prestasi (KPI) masing-masing. Pemerksaan mahasiswa di institusi pengajian tinggi pula akan terus diberi penekanan termasuk usaha mewujudkan Kesatuan Pelajar (*Students' Union*). Ini bagi menjelaskan peranan mahasiswa yang turut berpeluang dan mempunyai lebih banyak tanggungjawab dalam proses membuat keputusan di universiti masing-masing.

Hala tuju ketiga yang digariskan dalam ucapan YB. Menteri menyentuh perihal kolaborasi bagi memperkasakan ekosistem kecendiakawan dalam kalangan pensyarah di universiti. Bukan itu sahaja, mereka juga disaran agar turut sama berkolaborasi dengan pihak-pihak seperti sekolah, politeknik, kolej vokasional dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah masyarakat khususnya melibatkan bidang pendidikan. Manakala hala tuju terakhir pula melibatkan usaha pengantarabangsaan universiti di negara ini. Ahli akademik di universiti awam perlu menjadi rujukan peringkat antarabangsa dalam bidang masing-masing. Banyak perkara boleh diketengahkan bagi mencapai hasrat ini seperti penterjemahan hasil karya, mobiliti ahli akademik ke luar negara dan sebagainya.

Perkara lain yang turut disentuh secara spesifik oleh YB. Menteri ialah berkenaan dengan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Keperluan untuk melakukan transformasi terhadap institusi dan sistem TVET begitu mendesak dengan mengambil kira kepentingannya terhadap negara bagi mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Ke-4 (IR 4.0). Hal ini juga berkait rapat dengan kebolehpasaran graduan yang melibatkan golongan muda bagi turut serta dalam usaha pembangunan negara selaras dengan Wawasan 2020. Dalam masa yang sama, kementerian sedang dalam usaha menyelesaikan isu pengiktirafan Kolej Vokasional yang kontroversial supaya para pelajarnya akan diberikan hak pendidikan yang saksama. Jika semua usaha ini dapat dilaksanakan dengan baik, TVET akan benar-benar setaraf dengan pilihan bidang lain malah mampu menjadi pilihan utama pelajar dan bukan lagi sebagai pilihan kedua atau pilihan alternatif.

Pendidikan untuk semua merupakan tanggungjawab semua untuk memastikan perjalanan sistem pendidikan negara berjalan dengan lancar. Sebagaimana Islam menekankan perihal kepentingan ilmu dan pendidikan kepada umat Islam dan manusia seluruhnya, maka inti pati penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. perlu diberi perhatian yang serius. Pendidikan tidak boleh dipisahkan dengan buku dan perbuatan membaca. YB. Menteri menyarankan agar semua pihak menyahut program Dekad Membaca Kebangsaan yang dipimpin oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hal ini tidak lain bertujuan untuk menjadikan budaya membaca sebagai budaya dominan sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara membaca pada tahun 2030.

Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik mengakhiri amanatnya dengan perkongsian kisah seorang guru yang meledakkan harapan dan cita-cita dirinya ketika berusia 15 tahun dahulu. Impak seorang guru hebat, pasti dapat memberi suntikan semangat dan inspirasi kepada para muridnya. Guru perlu sentiasa memberi ruang kepada pelajar untuk bertanya dan berfikir kerana perkara-perkara sebeginilah yang akan dapat membentuk diri insan yang berfikiran kreatif dan kritis. Sesungguhnya, amat besar peranan guru dalam mendidik muridnya agar dapat menjadi insan yang berguna bukan sahaja untuk manfaat dirinya, tetapi juga untuk manfaat orang lain. Guru yang terbaik akan bertanggungjawab memastikan semua anak muridnya berjaya tanpa sifat pilih kasih. Ini kerana pendidikan itu untuk semua dan ia satu tanggungjawab yang dipikul oleh semua.

Bengkel Indeks Daya Saing Program Akademik

Bengkel Indeks Daya Saing dilaksanakan hasil daripada perbincangan Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran (AQeL) dengan Ahli Jawatankuasa Task Force (TF) Transformasi Program Akademik UniSZA. Bengkel ini membincangkan sepuluh kriteria iaitu penjumudan, pembekuan dan pelupusan daripada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi sebagai panduan dan rujukan. Hasil daripada perbincangan tersebut, Bengkel Transformasi Akademik UniSZA 2018 telah diadakan dan Bengkel Indeks Daya Saing Program Akademik merupakan kesinambungan daripada bengkel tersebut.

Sehubungan dengan itu, pihak AQeL telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Bengkel Indeks Daya Saing Program Akademik pada 9-11 November 2018, bertempat di Vistana

Kuantan City Centre, Pahang. Bengkel ini dihadiri oleh 32 peserta yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Akademik, siswazah fakulti serta Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Akademik Universiti (JKPAU).

Pengarah Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran UniSZA, Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa telah membentangkan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pembangunan akademik baharu yang berteraskan kurikulum tersedia masa hadapan (KTMH) bagi melahirkan graduan yang adaptif terhadap keperluan masa hadapan seiring dengan cabaran abad ke-21. Setiap ciri yang dibentangkan adalah amat penting bagi setiap fakulti melihat kerelevanannya sesuai program yang ditawarkan dan perlulah bersifat daya saing.

Secara keseluruhannya, bengkel ini memberi impak dengan peningkatan indeks bagi program akademik tahun 2018. Majlis penutup telah disempurnakan oleh wakil Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarbangsa, Prof. Dr. Zuhairah Abd Ghadas.





Bengkel Vokal dan Perkusi Nasyid Peringkat Kebangsaan

Jawatankuasa UniSZA melalui Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) dengan kerjasama SMKA Sheikh Abdul Malek telah menganjurkan Bengkel Vokal dan Perkusi Nasyid Peringkat Kebangsaan 2018.

Bengkel tersebut telah berlangsung pada 22-23 November 2018 di Dewan Ibn Khaldun, Kolej Kediaman UniSZA dan disertai oleh 49 orang peserta dari sepuluh buah sekolah di Terengganu, Melaka, Kedah dan Selangor.

Nasyid merupakan salah satu aktiviti yang diminati dalam kalangan pelajar sekolah yang juga merupakan hiburan alternatif yang dibenarkan oleh syarak. Bengkel Vokal dan Perkusi disediakan kepada pelajar-pelajar yang berbakat agar dapat mengetahui, memahami dan seterusnya menguasai perkara-perkara asas dalam vokal dan perkusi.

Program ini dirancang untuk memberi pendedahan ilmu vokal dan perkusi kepada pelajar-pelajar yang berminat dan berbakat, merapatkan ukhuwah antara pelajar-pelajar dari sekolah, daerah dan negeri yang berlainan serta mengembangkan dakwah melalui seni nasyid.

“Program ini dapat membuka minda dan peluang kepada pelajar memahami bahawa salah satu cara berhibur melalui muzik dan nyanyian yang diharuskan oleh Islam dan dapat mengetahui tatacara berhibur mengikut syariah tanpa melalaikan”, kata Penyelaras SKK UniSZA, Encik Wan Ismail Wan Abdullah ketika berucap dalam majlis perasmian penutupan bengkel tersebut, mewakili Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat UniSZA.



Encik Wan Ismail turut menyampaikan anugerah kepada Peserta Terbaik Vokal dari SMKA Sheikh Abd Malek dan Peserta Terbaik Perkusi dari SMKA Nurul Iftiqq, masing-masing dari Terengganu, Manakala, Peserta Terbaik Sahsiah dianugerahkan kepada peserta dari SMA Nurul Iman, Ayer Hitam, Kedah.

Secara keseluruhan, peserta dan guru pengiring amat berpuas hati dengan slot bengkel yang diadakan walaupun pengisianya terlalu padat dalam jangka masa dua hari ia berlangsung.



FBIM Anjur ICAFT 2018

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah berjaya menganjurkan *International Conference on Agriculture, Animal Sciences and Food Technology* (ICAFT 2018) pada 30-31 Oktober 2018 bertempat di UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 160 peserta yang terdiri daripada penyelidik dan ahli akademik tempatan dan antarabangsa telah menyertai persidangan ini. Peserta antarabangsa adalah terdiri daripada lapan buah negara iaitu Jepun, Nigeria, Indonesia, Filipina, India, Pakistan, Bangladesh dan Australia. FBIM juga telah menjemput beberapa pakar terkemuka dunia seperti pakar patologi tumbuhan, Prof. Dr. Paul Taylor dari Melbourne University; pakar perikanan iaitu Prof. Dr. Susumu Ohtsuka dari Hiroshima University; dan pakar pemprosesan makanan, Prof. Madya Dr. Somchai Jomduang dari Chiangmai University untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka dengan peserta persidangan. Kejayaan FBIM dalam menganjurkan persidangan antarabangsa ini adalah hasil sokongan penganjur bersama iaitu Green World Genetics (GWG) Sdn. Bhd yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr. Chua Kim Aik. Antara penaja lain yang terlibat ialah Permula Sdn. Bhd., TSA Tekno Sdn. Bhd, Apical Scientific Sdn. Bhd., Azrul Engineering dan O&E Technologies Sdn. Bhd.

Persidangan ini bertemakan *Agricultural Innovation to Nourish the World* yang menggambarkan cabaran dan isu yang perlu dihadapi oleh masyarakat dunia pada abad ke-21, iaitu zaman urbanisasi yang merangkumi sektor perindustrian dan teknologi pembangunan pertanian; sains haiwan dan teknologi makanan. Sektor pertanian pada hari ini penuh dengan cabaran yang mesti ditangani dengan strategi dan kaedah yang berkesan supaya ia boleh dilaksanakan secara realistik. Oleh itu, penganjuran ICAFT 2018 oleh FBIM adalah suatu usaha yang sangat baik dalam menyediakan platform penting untuk perbincangan dan perkongsian pengetahuan oleh semua peserta untuk membangun dan berkongsi idea berkaitan amalan baharu yang boleh diaplikasikan dalam bidang pertanian, sains haiwan dan teknologi makanan serantau.





FBIM Anjur Kursus Pembuatan Aiskrim



Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah berjaya menganjurkan Kursus Pembuatan Ais Krim pada 9 Januari yang lalu. Program ini terlaksana hasil daripada kerjasama erat antara Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dengan pensyarah di Pusat Pengajian Industri Makanan (PPIM) FBIM, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar. Seramai 35 orang usahawan sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus telah berkumpul di UniSZA Kampus Besut bagi menyertai kursus ini yang diadakan di Makmal Pemprosesan Makanan FBIM.

Program bermula dengan sesi pengenalan tentang aiskrim dan industri aiskrim di Malaysia oleh pensyarah kanan di PPIM Dr. Wan Anwar Fahmi Wan Mohamad, dalam bidang teknologi tenusu. Dalam sesi ini, para peserta turut didedahkan dengan informasi tentang jenis-jenis aiskrim, selain fungsi setiap bahan dalam ramuan aiskrim serta variasi teknik pembuatan aiskrim secara teori. Selain itu, para peserta turut diberi peluang untuk mengutarakan persoalan

dan pandangan dalam sesi tersebut. Tidak cukup dengan ilmu teori dalam pembuatan aiskrim, para peserta kemudiannya diberikan pengalaman menghasilkan aiskrim menggunakan mesin-mesin aiskrim yang terdapat di makmal. En. Mohamad Faris Samsudin dan En. Syed Mohd Al Shukri Tuan Sharif yang merupakan usahawan aiskrim di Besut telah dijemput untuk membimbing para peserta menghasilkan dua jenis aiskrim iaitu *soft* dan *hard ice cream*. *Hard ice cream* telah dihasilkan melalui dua teknik berbeza, iaitu tradisional dan moden.

Para peserta berpeluang menikmati aiskrim dengan pelbagai perisa hasil air tangan mereka sendiri sepanjang sesi amali ini berjalan. Kursus ini dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada para peserta untuk menceburi perniagaan aiskrim yang terbukti mudah dan menguntungkan. FBIM sedia membantu bakal usahawan aiskrim dan produk makanan lain untuk lebih maju dalam perniagaan mereka pada masa hadapan.

Mufti Wilayah Persekutuan Mengupas Isu Wakaf dalam Siri Wacana WAKAF

Siri Wacana WAKAF merupakan program berkala yang dianjurkan oleh Pejabat Wakaf dan Endowmen (WAKAF). Program ini menjemput seorang tokoh ternama bagi membincangkan isu kontemporari wakaf. Institusi wakaf pendidikan bermula seawal penubuhan Masjid Quba' dan Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah SAW. Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khatib dan Khalifah Harun al-Rasyid, wakaf turut gah ke seluruh persada dunia. Sudah tibanya masanya instrumen wakaf ini diangkat semula dalam masyarakat bagi memastikan kelestarian wakaf dalam memacu perkembangan ummah.

Siri Wacana Wakaf kali ini telah diadakan pada 6 Disember 2018 di Dewan Auditorium Blok Akademik, Kampus Gong Badak dengan kerjasama Pusat Islam. Seramai 150 orang peserta telah menghadiri program ini. Peserta terdiri daripada staf UniSZA, wakil imam setiap masjid di daerah Kuala Nerus dan wakil pengurusan pondok-pondok yang diselia oleh Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu.

Tokoh yang dijemput kali ini ialah Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan pensyarah salah sebuah universiti di Thailand, Prof. Dr. Al-Habib Assayed Abdul Hamid Ali Al-Mahdaly. Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa isu wakaf ini boleh diketengahkan dalam menjamin ekonomi umat Islam.

Antara perkara yang dikupas ialah *Isu terpilih dalam pengurusan Wakaf* yang telah disampaikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan. Dato' Mufti Wilayah dalam



ucapannya juga memberi pesanan, "Wakaf ini kita boleh mulakan dengan perkara yang kecil dahulu. Misalnya wujudkan tabung Wakaf di setiap PTj dan ini boleh membantu pelajar kita sekiranya dikumpul berperingkat-peringkat". Ini mungkin akan menjadi pencetus idea kepada staf sendiri dalam memupuk budaya berwakaf ini.

Manakala Prof. Dr. Al-Habib Assayed Abdul Hamid Ali Al-Mahdaly pula membicarakan tentang *Peranan Wakaf dalam Pengembangan Kewangan Pendidikan*. Beliau banyak mengulas pentingnya peranan wakaf dalam mengembangkan kewangan pendidikan terutamanya dalam universiti awam. Hal ini terbukti apabila dalam hala tuju universiti awam 2019, antara inisiatif untuk meningkatkan kecemerlangan universiti awam ialah memperkasakan wakaf.





Penerbit UniSZA Mengorak Langkah Ke Arah Pengindeksan Jurnal

Penerbitan jurnal merupakan salah satu indikator yang berupaya menaikkan imej UniSZA dalam arena penerbitan bahan ilmiah selain daripada buku dan monograf. Ia bertujuan mengembangkan lagi korpus ilmu yang selari dengan tuntutan zaman, malah kejayaan penghasilan jurnal yang berimpak tinggi merupakan satu kejayaan besar bagi menyebarluas hasil penyelidikan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, pengurusan jurnal bukanlah sesuatu yang mudah kerana penerbitan jurnal perlu sentiasa dipatuhi dan amat memerlukan komitmen yang tinggi dari setiap ahli pasukan.

Rentetan daripada itu, Penerbit UniSZA telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Jurnal pada 22-23 Januari 2019 b di Dewan Panca Delima, AQeL, UniSZA. Bengkel yang melibatkan seramai 35 orang peserta bertujuan memberikan pendedahan tentang kaedah untuk memastikan pengindeksan jurnal UniSZA berjalan dengan lancar dan bersistematis. Ini termasuklah penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memantapkan penerbitan jurnal UniSZA.

Antara pengisian bengkel tersebut ialah penyampaian berkenaan penetapan standard maklumat jurnal dan pengurusan manuskrip melalui sistem secara atas talian serta ciri-ciri penting yang diperlukan bagi laman web untuk jurnal ilmiah oleh En. Asnidzal Mohamad Jamel dari Pusat Teknologi Maklumat, UniSZA. Peserta juga didedahkan dengan kaedah untuk memohon supaya jurnal diindeks dalam WoS dan Scopus, serta etika penerbitan jurnal oleh Dr. Radzuwan Ab. Rashid , Ketua Editor Journal of Nusantara Studies (JONUS).

Penganjuran Bengkel Pengurusan Jurnal ini berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti makalah jurnal yang dihasilkan oleh UniSZA.





Perpustakaan UniSZA Perkaya Bahasa, **Merakyatkan Cerita Rakyat Terengganu**



Sekalipun cerita-cerita rakyat dikhaskan sebagai mitos, namun tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan cerita yang sering didengari atau disampaikan oleh nenek moyang ternyata mempunyai pelbagai mesej serta teladan yang tersirat. Kisah-kisah seperti Si Tanggang, Malim Kundang dan Abu Nawas mempunyai banyak pengajaran dan sentiasa menghiasi halwa telinga kanak-kanak.

Merakyatkan cerita rakyat dan memperkenalkannya ke luar negara, bukan sesuatu yang mudah malahan cukup mencabar. Namun, atas dasar tanggungjawab bagi memperkaya bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, Pertandingan Bercerita dalam Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa UniSZA merupakan salah satu program yang diatur bagi tujuan tersebut. Program ini telah diadakan pada 18 Disember 2018 di Atrium Perpustakaan UniSZA sempena program Read@Uni Peringkat UniSZA, kempen membaca IQRA’@UniSZA, serta Kempen Dekad Membaca dan Bahasa Kebangsaan.

Enam orang peserta yang terdiri daripada pelajar antarabangsa UniSZA mempersembahkan pelbagai cerita rakyat di pertandingan ini. Pak Si Molong, Tuk Raja Bertemu Taring, Batu Penyu, Raja Bongsu Pinang Beribut dan Pengawal yang Bijaksana adalah sebahagian daripada cerita-cerita rakyat Terengganu yang mungkin jarang didengar. Justeru, pertandingan yang bertemakan ‘Cerita Rakyat Negeri Terengganu’ akan memberi peluang kepada kita untuk mengetahui kisah-kisah rakyat tersebut. Selain itu, keunikan cerita rakyat ini juga dapat dikongsi bersama dengan golongan muda dan dapat mendekatkan diri mereka dengan budaya negeri Terengganu.

Pertandingan ini melibatkan peserta dari pelbagai negara iaitu saudara Sani Shehu (Nigeria), saudara Isyaku Hassan (Nigeria), saudara Omar Ahmed Moqbel (Yaman), saudara Navarr Areepong (Thailand), saudara Mohamed Sali Fode Toure (Guinea) dan saudara Ammar Ahmed Ali Alkhbi (Yaman). Para peserta telah dinilai oleh dua orang juri yang dijemput untuk mengadili pertandingan ini iaitu Ketua Metro UniSZA@KL, Encik Mohamad Muhaymein Ahmed Zawawi dan Timbalan Pengarah, Pusat Antarabangsa Puan Alia Nabila Alias.

Tuan akhirnya memihak kepada saudara Ammar Ahmed Ali Alkhbi dari Yaman. Beliau merupakan pelajar Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan telah berjaya dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan tersebut. Seterusnya, naib johan disandang oleh saudara Navarr Areepong dari Thailand (Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa) dan saudara Omar Ahmed Moqbel dari Yaman (Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan) muncul sebagai pemenang tempat ketiga. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah, Pusat Antarabangsa, Encik Cornelius Anuar McAfee Abdullah dan Ketua Pustakawan (menjalankan tugas), Puan Norulhuda Makhtar.



Pidato Citra Bahasa Inisiatif

Perpustakaan UniSZA
Martabat Bahasa Melayu

Kita selalu mendengar pernyataan bahawa bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa kerana bahasa itu mempunyai gedung kata yang luas dan dituturkan oleh sebahagian besar penduduk Asia Tenggara. Dakwaan ini dibuat berlandaskan hujah bahawa bahasa Melayu berkembang dengan pesat sejak zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan sebelumnya. Bahasa Melayu pada masa itu banyak digunakan bukan hanya oleh keturunan Melayu tetapi juga oleh orang asing yang datang berdagang.

Bagi meneruskan usaha memartabatkan serta memperkasa bahasa Melayu, Perpustakaan UniSZA telah mengajukan Pertandingan Pidato Citra Bahasa pada 18 Disember 2018 dan telah berlangsung di Atrium Perpustakaan. Pertandingan ini diadakan sempena Program Read@Uni dan kempen membaca IQRA'@UniSZA. Selain itu, program yang mendapat kerjasama Kelab Orator Unit Bahasa Melayu merupakan salah satu platform bagi pelajar khususnya untuk memperluaskan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu serta menyampaikan mesej secara lisan yang mengandungi idea, menghuraikan dan merumuskan secara berkesan melalui penyampaian pidato.

Seramai sepuluh pemidato mempersembahkan pidato masing-masing dengan tema Menjulang Bahasa Melayu Ke Persada Dunia. Program ini juga mampu mencungkil bakat-bakat baharu dalam berpidato, selain memantapkan kemahiran berkomunikasi, memupuk semangat patriotisme dan menjana daya saing secara positif. Beberapa kriteria telah ditetapkan untuk penilaian iaitu pengisian atau kandungan pidato, bahasa, gaya dan penyampaian selain aksi spontan ketika berpidato. Setiap pemidato mempersembahkan dua pidato berlainan, iaitu wajib menggunakan tema yang diberikan untuk pidato pertama dan bagi pidato kedua, mereka akan memilih tema secara rawak yang telah disediakan pihak pengajur.

Dua orang juri telah dilantik untuk mengadili pertandingan ini iaitu Pengarah, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Dr. Abdullah Ibrahim dan Cik Sajarah Mohd Ali yang merupakan Juara Pidato Piala Perdana Menteri 2018. Dalam pada itu, pengisian segmen ‘Celik Bahasa’ turut diselitkan sepanjang program untuk berkongsi pengetahuan serta memperkemas penggunaan bahasa Melayu.

Saudara Muhammad Fauzi Ismail dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam berjaya memikat hati juri dan dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan tersebut. Manakala saudara Najmi Adli Mustaffa dari Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa berjaya memenangi naib juara dan saudara Muhd Syarifuddin Che Saidi dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi memenangi tempat ketiga. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan (menjalankan tugas), Puan Norulhuda Makhtar yang sudi meluangkan masa hadir ke program tersebut. Turut hadir, Ketua Unit Kelab Orator Unit Bahasa Melayu, saudara Amierul Fahmie Mohamad Latif.



PJIM Anjur Wacana Survival Malaysia

Majlis Dakwah Negara (MDN) Terengganu dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM), telah berjaya menganjurkan Wacana *Survival* Malaysia pada 12 Disember 2018 bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA. Wacana ini disertai seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa UniSZA daripada pelbagai kaum termasuk Cina, India, Sikh dan lain-lain. Program ini turut dihadiri oleh jawatankuasa dan rakan MDN Terengganu serta wakil MDN Kelantan.

Majlis dimulakan dengan gimik persembahan mahasiswa UniSZA yang melakonkan kisah tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu sehingga kepada pembentukan negara Malaysia. Dua orang panel telah dijemput untuk menjayakan wacana ini iaitu pakar undang-undang, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, dan pesuruhjaya MDN Terengganu, Dato' Ismail Ali. Moderator wacana ialah Prof Dr Ridhuan Tee Abdullah, pensyarah UniSZA dan juga ahli MDN. Majlis dipengerusikan oleh Dr Hanif Mat Lateh, pensyarah UniSZA merangkap Setiusaha MDN Terengganu. Ahli panel pertama telah mengupas pembentukan Perlembagaan Persekutuan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu sementara Ahli panel kedua membicarakan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* (pembawa rahmat ke seluruh alam) dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pada sesi akhir wacana, majlis dibuka untuk sesi soal jawab peserta bersama kedua-dua ahli panel.

Seterusnya, majlis diserikan dengan upacara penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel dan moderator oleh Pengarah PJIM UniSZA iaitu Prof Madya Dr Rahimah Embong, merangkap Naib Pesuruhjaya 2 MDN Terengganu. sesi fotografi peserta bersama barisan ahli panel dan jawatankuasa MDN Terengganu yang hadir.



Wacana ini memberi kefahaman kepada para peserta tentang asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan peribumi serta kedaulatan Raja-raja Melayu dalam masa yang sama menghormati anutan kaum-kaum bukan bumiputera. Selain itu, wacana ini memberi penjelasan tentang konsep *Rahmatan lil al-'Alamin* menurut tasawur Islam yang sebenar dan aplikasinya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Kesimpulannya, dapat dibuktikan bahawa perlembagaan Malaysia dapat menjamin keharmonian pelbagai etnik dan agama selaras dengan teras *Rahmatan lil 'Alamin* yang diterapkan oleh kerajaan di era Malaysia baharu.

Sejenak Bersama
Naib Canselor
PROF. DATO' DR.
HASSAN BASRI AWANG
MAT DAHAN

1. Sebagai pembuka bicara, dapat kiranya Y. Bhg. Prof. Dato' berkongsi latar belakang dan evolusi perkembangan dunia akademik Y. Bhg. Prof. Dato' hingga kini dan apakah detik-detik manis dan kritikal yang disifatkan sebagai period penting dalam dunia kerjaya akademik Y. Bhg. Prof. Dato'.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum Warahamatullahi Wabarakatuh. Sebelum saya memulakan penceritaan tentang perjalanan dunia akademik yang ditempuh, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sidang editor Buletin UniSZA kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berkongsi maklumat dengan semua pihak. Apa yang boleh saya katakan, detik-detik yang dilalui dalam arena akademik penuh diwarnai dengan pelbagai pengalaman yang menarik. Dengan itu, ia memberi kesan yang amat mendalam terhadap karier dan kehidupan saya.

Mengimbau kembali daripada awal, saya dibesarkan dalam sebuah masyarakat kampung yang mementingkan pendidikan sebagai asas utama sama ada ia berbentuk formal atau sebaliknya. Bapa saya amat mengambil berat tentang pendidikan anak-anaknya terutamanya dalam hal-hal agama. Justeru, setelah menamatkan zaman persekolahan peringkat rendah, saya telah dihantar ke sebuah sekolah agama di Temerloh, Pahang. Setelah melengkapkan pengajian di sana, saya dilamar oleh Kolej Islam Klang untuk meneruskan usaha menuntut ilmu. Apabila berjaya memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan, saya telah mendapat tawaran ke Kuwait University untuk meneruskan pengajian dalam Bahasa Arab sehingga tamat pada tahun 1987. Saya pernah bertugas seketika sebagai penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan penyelidik Kuwait Zakat House.

Sekembalinya saya ke Malaysia, Pusat Bahasa, Universiti Malaya (UM) menjadi tapak pertama saya menjakkan kaki sebagai pensyarah, iaitu pada tahun 1987. Kemudian, saya beralih ke Fakulti Pendidikan kerana merasakan dengan



hanya memiliki satu kepakaran belum memadai sebagai ahli akademik. Menyedari hakikat itu, saya menyambung pengajian di peringkat sarjana di Universiti St. Andrews dalam bidang pedagogi sehingga tahun 1992. Kerana dahagakan ilmu dalam bidang pendidikan, saya meneruskan lagi usaha sehingga mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang pengukuran di Universiti Edinburgh, Scotland pada tahun 2000. Saya juga pernah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pelajaran Malaysia, Universiti Cairo, Mesir mulai tahun 2007 hingga 2011.

Setelah pulang ke Malaysia, saya mencurahkan kepakaran saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Di UPSI, saya diamanahkan untuk mengetuai Sekolah Makmal yang dibantu oleh beberapa pakar dalam bidang teknikal untuk membentuk kaedah pengajaran terkini yang sesuai dengan perubahan semasa. Kemudian, saya berpindah pula ke Universiti Sains Islam Malaysia kerana memenuhi tanggungjawab sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Ketika di USIM, saya hanya menumpukan perhatian kepada penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan sehingga salah saya dilantik sebagai Naib Canselor di universiti ini.

2. Sebagaimana yang diketahui, UniSZA mempunyai keunikan dan identitinya sendiri. Apakah perancangan Y. Bhg. Prof. Dato' dalam mencapai visi UniSZA untuk menjadi Universiti Pilihan Dunia dan bagaimana Y. Bhg. Prof. Dato' merancang untuk mengubah landskap UniSZA daripada status universiti komprehensif kepada universiti Islam?

Sebelum saya menyentuh berkenaan jawapan kepada soalan di atas, ingin ditegaskan di sini, terutamanya kepada kakitangan UniSZA itu sendiri, bahawa universiti ini adalah kekal sebagai universiti komprehensif. Ini kerana, semenjak dahulu lagi universiti ini mempunyai kekuatannya tersendiri yang dibuktikan dengan wujudnya pelbagai bidang akademik seperti sains perubatan, kesihatan, pertanian, pengurusan, ekonomi, pengajian Islam dan pelbagai lagi. Oleh yang demikian, keunikan ini harus dikekalkan di samping penambahan gagasan baharu yang berbentuk integrasi antara ilmu-ilmu berkenaan.

Justeru, berasaskan idea ia diklusterkan di bawah universiti Islam bersama-sama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia, adalah untuk melihat ketiga-tiga pusat pendidikan tinggi ini berjalan seiring menuju ke persada antarabangsa. Dan, jika kita menelusuri sejarah UniSZA itu sendiri, ia adalah jelmaan daripada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang sememangnya sebuah universiti Islam. Ini kerana, penubuhan KUSZA pada tahun 1980 merupakan reaksi terhadap resolusi Seminar Pendidikan Islam tahun 1977 yang diadakan di Jeddah. Tujuannya adalah untuk mengislamisasikan ilmu di dunia Islam setelah dihujani dengan fahaman sekular. Oleh itu, saya yakin bahawa KUSZA adalah institusi pendidikan pertama yang menyahut seruan berkenaan. Pada hemat saya, KUSZA bercita-cita untuk membawa wadah pengintegrasian ilmu dan menonjolkan Islam yang lebih segar dan dinamik seperti perjuangan Muhammad Abduh dan Jamaluddin al-Afghani pada ketika dahulu.

Suka saya menarik perhatian semua, gagasan Kementerian Pendidikan untuk mengklasifikasikan UniSZA di bawah universiti Islam adalah supaya ia berupaya bergerak secara berkumpulan untuk berada di pentas dunia. Dengan erti kata yang lain, saya katakan bahawa ketiga-tiga universiti ini akan memperlihatkan kepada dunia konsep integrasi ilmu secara praktikal dengan menjadikan nilai-nilai Islam yang bersifat universal sebagai tunjangnya. Nilai ini akan diterapkan kepada semua pelajar agar mereka dapat menikmati *the value of knowledge* sekali gus menjadikan mereka graduan yang mapan serta disegani di peringkat dunia.

3. Apakah potensi dan kekuatan UniSZA yang dapat diperhatikan pada masa kini dan bagaimana ia boleh digunakan untuk memacu pembangunan UniSZA dalam usaha mencapai misi dan visinya terutamanya dalam era yang terhad dari aspek kewangan? Bagaimana pula pandangan Y. Bhg. Prof. Dato' terhadap sistem pendidikan di UniSZA dan adakah terdapat sebarang perancangan yang ingin dilaksanakan untuk meningkatkan mutu pendidikan tersebut?

Pertamanya, saya tidak menafikan bahawa kita sedang berhadapan dengan keadaan yang kurang selesa berkenaan ekonomi. Apa yang diharapkan, semua pihak sewajarnya merasai dan menghayati fenomena ini. Keduanya, kita seharusnya mengambil pengajaran daripada kisah Nabi Yusuf a.s. kerana penceritaan dalam al-Quran adalah sebagai teladan buat kita semua. Apabila kita berada dalam situasi ini, Islam meminta kita untuk reda, berjimat dan berusaha menangani masalah berkenaan. Malah, apa yang berlaku merupakan kesan daripada perbuatan manusia. Apa yang penting, semua pihak harus bersabar dan berusaha memperbaiki keadaan ini sehingga ia pulih ke tahap yang terbaik.

Apa yang saya nampak, pengenalan usia penceran bagi kakitangan kerajaan sehingga berumur 60 tahun telah mengurangkan peluang pekerjaan dalam kalangan generasi baharu. Walau bagaimanapun, bagi yang sudah bekerja, mereka perlu bersyukur kerana masih mempunyai pendapatan. Dalam konteks graduan pula, mereka boleh menjana idea kreatif untuk menghasilkan pendapatan dengan pelbagai cara. Kelebihan graduan sekarang ialah mereka didedahkan dengan industri ketika di alam kampus lagi.

Dari sudut melonjakkan UniSZA sebagai universiti yang berkaliber, penganjuran program dan aktiviti bersifat kemasyarakatan amat dialu-alukan. Malah, program seperti ini tidak memerlukan komitmen kewangan yang besar. Justeru, kita sama-sama berfikir ke arah itu sebagai mempraktikkan moto UniSZA ‘Ilmu Demi Faedah Insan’.

4. Sebagai seorang yang amat berpengalaman dalam dunia akademik, apakah pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh Y. Bhg. Dato' untuk memperkasa UniSZA sebagai salah sebuah universiti Islam di Malaysia serta bagaimana kaedah yang boleh disuntik dalam melahirkan graduan bahasa Arab mampu yang bersaing dalam kebolehpasaran?

Berpandukan pengalaman saya ketika bertugas di UM, pelajar yang diajar datang dari pelbagai negeri dan latar pengajian. Saya akui bahawa pelajar KUSZA yang melanjutkan pelajaran ke UM merupakan mereka yang amat menguasai bahasa Arab. Apabila kita membicarakan bagi melahirkan graduan dan idola dalam bidang ini, ia bertitik-tolak daripada asuhan awal dan adanya kerjasama daripada semua tenaga pengajar. Penguasaan terhadap bahasa ini akan membolehkan seseorang untuk memahami dan menguasai pelbagai bidang ilmu. Ini kerana bahasa Arab adalah medium komunikasi antarabangsa semenjak dahulu dan ia adalah bahasa untuk memahami sumber agung segala ilmu, iaitu al-Quran.

Dengan itu, hasil penguasaan bahasa Arab yang baik akan membawa tokoh-tokoh cendekiawan terdahulu seperti Ibn Sina, al-Khawarizmi, al-Ghazali dan ramai lagi ilmuwan yang sezaman dengannya. Justeru, saya mengharapkan UniSZA akan melahirkan sarjana Islam seperti ini sehingga mampu berentap di gelanggang antarabangsa. Apa yang saya lihat UniSZA mempunyai kelebihan untuk mencapai hasrat tersebut. Dengan wujudnya



pelbagai disiplin dan bidang pengajian, sewajarnya jalan ke arah itu akan menjadi lebih mudah. Inilah yang kita akan bina supaya UniSZA akan lebih menonjol pada masa akan datang.

Bahkan, saya berani untuk mengatakan begitu kerana KUSZA telah membuktikan pelajarnya berjaya menyambung pengajian di tahun akhir pengajian di Mesir. Ini membawa mesej yang jelas bahawa KUSZA dan UniSZA mempunyai kekuatan tersendiri yang perlu dikekalkan dan diperkasakan dari semasa ke semasa. Apabila saya mengenangkan nostalgia ketika di USIM sebagai TNC HEPA, saya pernah mengatakan dalam satu mesyuarat bahawa pelajar UniSZA berada di hadapan USIM dari aspek pencapaian aktiviti pelajar. Misalnya, universiti ini pernah menjadi naib juara pertandingan debat bahasa Arab dan pelajarnya mempunyai sejarah dinobatkan sebagai tokoh pelajar peringkat nasional. Oleh itu, bagi saya, UniSZA perlu mempertahankan kecemerlangan ini dan sentiasa mencari sesuatu yang baharu bagi memperkemas segala aspek berkaitan jati diri pelajar.

5. Berdasarkan pengalaman Y. Bhg. Prof. Dato', apakah jalan terbaik bagi UniSZA mengharumkan namanya serta dikenali di persada antarabangsa dan apakah petunjuk prestasi untuk membawa UniSZA ke arah pengantarabangsa?

Kita menyedari tentang status universiti ini yang dikategorikan di bawah universiti Islam. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, tujuan kluster ini adalah supaya UniSZA, UIAM dan USIM dapat bersama-sama merentas cabaran untuk pergi lebih jauh. Dalam konteks UniSZA, kita telah merancang satu projek yang besar, iaitu pendigitalan manuskrip di peringkat antarabangsa. Saya amat bersyukur kerana DYMM Ke Bawah Duli Tuanku sendiri menggalakkan usaha ini dan akan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi. Kita akan menjelajah ke University of Qarawiyin, Morocco bagi melihat perkara ini. Begitu juga, kita akan ke British Library, Leiden University serta akan mendapatkan kepakaran seperti Prof. Dato' Dr. Hj. Awang Sariyan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) bagi memantapkan lagi hasrat yang murni ini. Kita akan menjadikan UniSZA sebagai pusat pendigitalan manuskrip peringkat dunia.

Selain itu, kita juga sedang berusaha menjadikan UniSZA sebagai penggerak dan pusat halal di Pantai Timur. Malah, bukan sekadar itu, saya merancang untuk mengembangkannya ke negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Saya mengambil tindakan sedemikian kerana kita ada kelebihan seperti Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan dari sudut pemasaran dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan serta Agropolis untuk pengeluaran produk. Bahkan, kita juga akan mengadakan kerjasama dengan University of East London dan wakil daripada kerajaan Arab Saudi.

6. Dalam usaha mengekalkan identiti UniSZA, apakah terdapat halangan untuk menjadikan UniSZA setaraf dengan universiti penyelidikan dan apakah hasrat dan paradigma YBhg. Prof. Dato' untuk merancakkan lagi budaya penerbitan dalam kalangan warga akademik di universiti ini?

Saya berpandangan bahawa untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan, ia mengambil masa yang panjang. UniSZA tidak seharusnya gundah kerana masanya akan tiba suatu hari nanti. Namun demikian, usaha ke arah itu haruslah dimulai dari sekarang. Aktiviti penyelidikan perlu disemarakkan kerana hasil penyelidikan tersebut akan timbulnya penerbitan. Pendek kata, jika kita ingin menjadi sebuah universiti penyelidikan, kita wajib memperbanyak penyelidikan bermutu tinggi dan penerbitan yang bermanfaat di peringkat global. Seperkara lagi yang saya lihat ialah, UniSZA mempunyai ramai pensyarah yang usianya amat kompeten dan masih kuat untuk melonjakkan apa yang dihasratkan ini. Dari sudut sokongan kewangan pula, kita boleh menjalankan kerjasama dengan pihak luar seperti industri dan NGO yang sedia ada.

7. Apakah perspektif YBhg. Prof. Dato' untuk melonjakkan UniSZA sebagai sebuah universiti bertaraf global terutamanya dalam kehairahan masyarakat dunia menyahut Revolusi 4.0?

Saya tidak melihat terdapat cabaran yang besar kerana kita berada di atas landasan yang tepat dengan erti kata UniSZA tidak ketinggalan dari sudut penggunaan teknologi terkini dalam pelbagai aspek. Kursus-kursus yang kita tawarkan sudah menunjukkan kita menerima dan sudah bersedia untuk ke arah itu. Misalnya, keberadaan hospital yang akan memperkenalkan bidang baharu dalam perubatan mengikut perkembangan semasa. Begitu juga dengan program-program lain dan UniSZA tidak akan tertinggal di belakang. Namun, persoalannya ialah bagaimana kita boleh terus ke depan adalah bergantung kepada sokongan kewangan yang dimiliki. Dari segi kepakaran, profesor yang berada di sini seharusnya membimbing pensyarah muda agar mereka cepat belajar dan beraksi mengikut keperluan semasa. Mereka harus memainkan peranan mengadakan mentoring kepada pensyarah muda. Pensyarah muda pula jangan segan silu merujuk kepada para profesor. Ini adalah kekuatan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman dalam kalangan semua pensyarah. Tegasnya, ilmu dan akhlak mestilah diletakkan di hadapan untuk memberi kesinambungan kepada survival UniSZA itu sendiri. Apatah lagi, dengan konsep integrasi ilmu yang diterapkan selama ini, saya berkeyakinan UniSZA akan menjadi sebuah pusat keilmuan yang cemerlang pada masa akan datang.

Pertanian Bandar

Solusi Isu Sekuriti Bekalan Makanan

Nalini Arumugam
Emel: nalini@unisza.edu.my


Pada saat ini, satu daripada sepuluh penduduk dunia sedang menderita akibat kebuluran. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) menzahirkan kerisauannya terhadap kekurangan bekalan makanan sedia ada berdasarkan kepada permintaan terhadap makanan yang dijangka meningkat sebanyak 60% menjelang tahun 2050. Peningkatan populasi, perubahan cuaca dan ketirisan sumber tanah dan air akan merumitkan lagi perjalanan ke arah mencapai sekuriti bekalan makanan. Justeru, tidak menghairankan sekiranya makanan menjadi komoditi dagangan yang paling diberi perhatian oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Pengarah Eksekutif Program Makanan Sedunia, Davis Beasley ketika berucap di forum “*Breaking The Cycle Between Conflict and Hunger*”, beliau menyentuh tentang sekuriti bekalan makanan merupakan benteng pertahanan utama bagi negara-negara dunia. Menyedari hakikat yang memerlukan buat penduduk bumi, sudah tiba masanya untuk bersama-sama memulakan muhasabah pada skala nasional. Ini kerana, rakyat Malaysia Baru yang sedang menikmati hidup serba sempurna dalam wilayah merdeka yang berdaulat ini tidak terkecuali dari ancaman global sekuriti bekalan makanan.

Melihat kepada nilai defisitimbangan dagangan makanan yang kian melebar saban tahun, ternyata ia terlalu bergantung kepada bekalan makanan yang diimport. Justeru, ini membuktikan Malaysia tidak terkecuali daripada ancaman sekuriti bekalan makanan global. Menurut data terbitan FAO pada tahun 2018 pula, peratusan tanah dara subur, iaitu tanah yang sesuai untuk pertanian dan belum diteroka di Malaysia berbaki hanya 2.9%. Maka, penduduk di negara ini berada di persimpangan untuk menghasilkan makanan bagi mencukupkan permintaan tempatan sedangkan mereka berhadapan dengan halangan berbentuk sumber tanah yang amat terhad. Oleh itu, langkah yang efektif bagi menyelesaikan masalah ini perlu diambil bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan agar mencukupi untuk masa akan datang.

Sebuah tulisan akademik oleh ilmuwan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjudul “*Urban Agriculture: A Way Forward to Food and Nutrition Security in Malaysia*” memberi jawapan bahawa kapasiti pertanian bandar sebagai jawapan terbaik buat isu yang diperdebatkan ini. Nilai tambah mekanisme pertanian bandar bagi menangani isu ini adalah bergantung kepada kemampuannya untuk menghasilkan makanan yang cukup, sihat, murah dan menjimatkan kos import. Walau bagaimanapun, kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada setiap lapisan masyarakat diperlukan bagi merealisasikan aliran logik ini sehingga ke peringkat lapangan pelaksanaan.

Di peringkat global, 700 juta penduduk bandar di serata dunia sedang menikmati makanan hasil daripada usaha mereka melalui inisiatif pertanian bandar. Di Malaysia, 75% daripada penduduk dijangka menghuni bandar-bandar utama menjelang tahun 2020. Mereka ini juga terdedah kepada krisis kemiskinan bandar akibat kos sara hidup yang tinggi, terutamanya bagi memenuhi keperluan mustahak, iaitu makanan. Pertanian bandar sememangnya alternatif terbaik buat mereka kerana ia mampu menghasilkan makanan pada kos minima tanpa melibatkan kos lepastuai dan pemasaran. Tambahan pula, mereka mempunyai kuasa membuat pilihan untuk sistem, jenis dan kualiti makanan yang dihasilkan. Manfaatnya, pilihan untuk menghasilkan makanan yang bebas cemaran bahan kimia adalah terletak di bawah genggaman pengguna. Lebihan hasil pula boleh dipasarkan pada skala tempatan dalam kelompok kejiranan sekali gus dapat mengeratkan lagi hubungan sesama mereka selari dengan pepatah ‘muafakat membawa berkat’.. Signifikannya, pertanian bandar dilihat berpotensi mengembalikan autonomi penduduk bandar terhadap bekalan makanan mereka.



Rajah 1. Pertalian antara pertanian bandar dan sekuriti bekalan makanan. Dipetik dan diubahsuai daripada Artikel “*Urban Agriculture: A Way Forward to Food and Nutrition Security in Malaysia*”.



Rajah 2. Teknologi projek-projek pertanian bandar.
Dipetik dan diubahsuai daripada Laman Sesawang Rasmi Jabatan Pertanian.

Inisiatif sebegini bukanlah perkara yang janggal di negara ini seperti yang dibuktikan oleh Jeff Kong Jhian Foong yang merupakan seorang ahli farmasi. Beliau telah memulakan langkah murni ini pada skala kawasan perumahan. Kerjasama 20 buah keluarga di Bandar Sunway Semenyih ini telah menghasilkan pelbagai keperluan dapur untuk residensi tersebut seperti jagung manis, terung, bendi, cili dan sayuran dedaun. Berbekalkan dengan semangat dan kata-kata ‘di mana ada kemahuan, di situ ada jalan’, organisasi kecil ini kini dalam proses untuk menghasilkan telur ayam melalui pertanian bandar. Tindakan mulia ini wajar menjadi contoh ikutan oleh bandar-bandar lain di negara ini untuk merealisasikan hasrat mencapai sekuriti bekalan makanan.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) Malaysia mengambil langkah proaktif dalam mempromosikan Program Pertanian Bandar. Ia bertujuan menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran dan tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan. Program ini mempunyai empat objektif utama, iaitu;

1. Menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian mereka serta mengurangkan kos sara hidup.
2. Menambahkan pendapatan sampingan komuniti bandar melalui lebih banyak pengeluaran hasil pertanian.
3. Menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara.
4. Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti bandar.

Di bawah inisiatif Program Pertanian Bandar yang dikelola Jabatan Pertanian ini, terdapat tiga jenis program, iaitu Program Kawasan Perumahan Individu, Program Kawasan Perumahan Komuniti dan Program Institut. Program Kawasan Perumahan Individu merangkumi projek Laman Edible, Cendawan dan Mini Fertigasi, manakala Program Kawasan Perumahan Komuniti pula melibatkan projek Kebun Konvensional/ Organik dan Fertigasi Terbuka. Bagi kategori Program Institut yang boleh dipohon oleh institut kerajaan dan swasta, ia merangkumi projek Nutrient Film Technique (NFT), Laman Edibel, Piskiponik dan Mini Ferigasi. Akses kepada program-program tersebut amatlah mudah. Mana-mana individu atau pertubuhan yang berminat hanya perlu mengisi borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Pertanian atau didapatkan di mana-mana Pejabat Pertanian Daerah. Apa yang menarik, tiada sebarang syarat khas dikenakan bagi meluluskan permohonan selain minat pemohon dan ketersediaan kawasan yang bersesuaian dengan projek cadangan.

Kesimpulannya, “dayung sudah di tangan, perahu sudah di air”. Tanggungjawab untuk menyahut saranan kerajaan ini kini terletak di tangan masing-masing. Penduduk negara ini masih belum terlewat untuk bertarikh dalam membudayakan pertanian bandar bagi menangani krisis sekuriti bekalan makanan, sekurang-kurangnya pada skala domestik.

RUJUKAN

High hopes for urban farming. January 30, 2016. *The Star Online*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/metro/focus/2016/01/30/high-hopes-for-urban-farming-pharmacist-has-big-plans-to-promote-modern-concept-to-communities-throu/>.

Interesting facts about urban agriculture. June 4, 2016. *Greentumble*. Retrieved from <https://greentumble.com/interesting-facts-about-urban-agriculture/>.

Program Pertanian Bandar. 2016. *Portal Rasmi Jabatan Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia*. Retrieved from <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/332>.

Rezai,G., Shamsudin, M.N., and Mohamed, Z. 2015. Urban agriculture: A way forward to food and nutrition security in Malaysia, *Urban Planning and Architecture Design for Sustainable Development*, 216(2016): 39-45.

Yakupitiyage,T. September 7, 2018. *Without Food Security, There Is No Peace*. Retrieved from <https://reliefweb.int/report/world/without-food-security-there-no-peace>



Research Innovation Awards 2018

UniSZA has actively sought every opportunity to take part in research and innovation competitions, expositions, and exhibitions both locally and globally. Focus on research and innovation in UniSZA is developing rapidly so as to take on the challenges posed by the Industrial Revolution 4.0, allowing UniSZA to realise its vision to be a preferred international university.

Research and Innovation Awards (RIA) 2018 was held to acknowledge and appreciate our researchers and other staff involved in raising research innovation achievement in UniSZA especially those who contributed to the acquisition of Malaysian Research Assessment (MyRA) scores. RIA included five categories of awards namely; Policy Paper Award, Research Book Award, Chapter in Book Award, Group Research Award, and Exaltation Award.

RIA 2018 was held on Wednesday, 28 November at the Perdana Hall, UniSZA. The ceremony was organised by the Office of the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) and the Research Management, Innovation and Commercialisation Center (RMIC). For the first time ever the ceremony involved a total of 177 awards for recipients.



Professor Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad, Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), in his opening speech, thanked all of the researchers who had put great effort in raising UniSZA up in research and working to increase the 2017 MyRA score. Many achieved above the specified KPI and gold medals or special awards were earned in national and international research and innovation competitions. In addition to congratulating all the winners, he added, "I would also like to convey special felicitations to three groups. The first one is from the East Coast Environmental

Research Institute, ESERI for the product Burst-Finder: Automated Solar Radio Burst Detection for e-Callisto Spectra which won gold medals in 28th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2017 and the International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) 2017; the second special mention is for the Faculty of Languages and Communication (FBK) for the product Vitual Speaking Buddy (VIRSBUD) which won gold medals in PECIPTA 2017 and the Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017; and last but not least, the Faculty of Medicine (FP) for the product i-Dispenser: An Intelligent Dispensing Machine which also won gold medals in PECIPTA 2017 and SIIF 2017."

RIA will serve to boost motivation of all our researchers and individuals involved in improving UniSZA research and innovation achievements in the years ahead.

FBIM Lancar Produk Makanan Baharu

Program Pelancaran Produk Makanan Baharu merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Industri Makanan, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) untuk mempromosikan hasil kreativiti dan inovasi pelajar dalam mencipta produk makanan baharu. Pihak FBIM telah berjaya menganjurkan program ini bermula dari tahun 2010. Pada tahun ini iaitu pada tahun kesembilan penganjuran, program ini telah dijalankan di Dataran Blok F3, FBIM, UniSZA, Kampus Besut pada 19 Disember 2018 melibatkan seramai 42 orang pelajar tahun akhir sebagai peserta.

Program ini merupakan hasil pembelajaran daripada kursus Pembangunan Produk Makanan (FSI41001) yang wajib diambil oleh pelajar tahun akhir yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan. Kursus ini mewajibkan para pelajar untuk menghasilkan produk makanan berinovasi secara berkumpulan. Pada akhir kursus, produk-produk hasil ciptaan para pelajar ini akan dipertandingkan bertujuan untuk memilih produk makanan baharu yang paling kreatif dan berinovasi. Pemenang seterusnya akan diberi peluang oleh fakulti untuk menyertai pertandingan produk makanan berinovatif yang akan dianjurkan oleh *Malaysian Institute of Food Technology* (MIFT) pada tahun 2019.

Terdapat tujuh produk makanan baharu bertemakan ‘Makanan Ringan yang Sihat’ telah dipertandingkan semasa program tersebut iaitu *AverQrunch*, *Chocky Spinatkiks*, *Shogurt*, *PopOats*, *CrispTea*, *Flovers* dan *Veggie Floss*. Produk *AverQrunch* merupakan makanan bijirin campuran belimbing buluh yang dikeringkan, madu dan kekacang. Produk *Chocky Spinatkiks* pula merupakan biskut batang yang diperbuat daripada tepung yang diproses daripada sayur bayam, bunga telang dan daun moringga serta berperisa coklat putih. Manakala untuk produk *Shogurt*, ia merupakan sejenis makanan pepejal hasil daripada proses penapaian atau yogurt yang berperisa mangga semula jadi dan dihiaskan dengan bebola pepejal yang dihasilkan daripada jus pegaga. Selain itu, *PopOats* yang juga merupakan makanan bijirin diperkaya dengan pisang dan badam panggang turut dilancarkan pada program ini. *CrispTea* merupakan campuran hampas daun teh dan sayur kangkung yang dihasilkan melalui proses pengeringan. *Flovers* pula merupakan gula-gula yang diperbuat daripada esktrak bunga kekwa dan jus limau kasturi. Produk makanan *Veggie Floss* pula merupakan campuran sayur-sayuran kering seperti lobak merah, sawi ungu dan sayur kailan.

Produk makanan yang memenangi pertandingan ini adalah *Veggie Floss*, *Shogurt* dan *AverQrunch*. Program yang julung-julung kalinya dilaksanakan ini dilihat mampu menghasilkan pelajar-pelajar yang berdaya saing dan inovatif dalam menghasilkan kajian berkaitan produk makanan yang bermanfaat kepada masyarakat dan pembangunan negara.



Mantan Presiden MPP Dinobatkan Tokoh Siswa UniSZA 2018

Mantan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA Sesi 2017/2018, Saudara Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, 24, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama Tokoh Siswa 2018. Beliau membawa pulang wang tunai RM1000 berserta trofi dan sijil pada majlis Malam Anugerah Tokoh Kepimpinan Siswa 2018 UniSZA yang berlangsung di Dewan Perdana.

Saudara Ammar yang berasal daripada Kuala Selangor, turut cemerlang apabila menerima Anugerah Pemimpin Program Wacana Intelek serta Anugerah Khas iaitu Anugerah Kepimpinan Terbaik dan meraih wang tunai sebanyak RM500 bagi setiap kategori.

Saudara Ammar ketika ditemui berkata, beliau begitu bersyukur dan gembira kerana anugerah yang diterima itu adalah satu pengiktirafan dari pihak UniSZA berdasarkan kecemerlangan dalam bidang akademik, kurikulum dan kepimpinan dengan penglibatan aktiviti dalam dan luar negara.

Sementara itu, Naib Canselor UniSZA, Prof Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif berkata, Malam Anugerah Tokoh Kepimpinan Siswa 2018 itu adalah anugerah



kali keenam diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada mahasiswa yang bergiat aktif dalam mengerakkan aktiviti-aktiviti mahasiswa. Menurut Nabi Canselor, Malam Anugerah itu memberi dorongan kepada pelapis baharu supaya mampu menjadi penggerak dan pemimpin yang berkaliber pada masa hadapan, di samping dapat menonjolkan bakat kepimpinan mahasiswa dalam bidang masing-masing sekali gus menjadi ikon kepada pelajar yang lain.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Alumni), Prof Madya Dr. Mohd Afandi Salleh dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Ir Dr. R Badlishah Ahmad.

Bertemakan hitam dan emas, sebanyak 18 anugerah telah dipertandingkan antaranya Anugerah Khas Sukan, Anugerah Khas Badan Beruniform, Anugerah Khas Sukarelawan, Anugerah Khas Kebudayaan dan Anugerah Khas Keusahawanan. Para pemenang anugerah membawa pulang wang tunai RM500 berserta trofi dan sijil penghargaan.



Pelajar Sarjana Dakwah UniSZA Juara Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu

Penuntut tahun dua dalam bidang Sarjana Dakwah, UniSZA, Sajarah Mohd. Ali, muncul juara Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2018 kategori Antarabangsa di Malaysia.

Dalam pertandingan akhir yang berlangsung pada 2 – 10 Disember 2018 di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Sajarah yang berasal dari Kemboja menarik perhatian juri setelah berjaya menyampaikan pidato bertajuk *Keamanan Dunia Tanggungjawab Bersama*.



Bagi kategori Antarabangsa, juara diraih peserta daripada China, Xu Yang atau lebih dikenali sebagai Izzah, 19, menerusi pidato bertajuk *Mahasiswa Peneraju Kelangsungan Negara* manakala Aurore Jeannot, dari Perancis memenangi tempat kedua dan tempat ketiga pula disandang oleh Leon Woltermann dari Jerman.

Peserta Malaysia, Muhammad Syahmi Akif Jamili, 23, dinobatkan sebagai juara kategori Alam Melayu diikuti peserta Thailand, Huda Ahmad, 18, menyandang

tempat kedua dan tempat ketiga diraih oleh Adam Muhammad Taufiq Mohamad Suharto, 22.

Johan bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 berserta piala pusingan, piala iringan serta sijil, Naib johan membawa pulang hadiah wang tunai RM8,000 (plak iringan serta sijil) manakala tempat ketiga menerima RM5,000 (plak iringan serta sijil).

PABM yang memasuki edisi ke-12 disertai oleh 50 orang peserta dari 31 negara seperti China, Thailand, Bangladesh, Perancis, Jerman, Kemboja, United Kingdom, Indonesia, Brunei dan Singapura bertemakan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, YB Dr. Maszlee Malik dan turut hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Dr. Mohd. Gazali Abas; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr Ahmad Zubaidi A. Latif.



Pusat Transformasi Komuniti Universiti Jalankan Projek Komuniti Penternakan dan Pembangunan Baka Puyuh

Projek yang dijalankan ialah projek tambahan di bawah dana geran Trans Pertanian Bersepadu (T0017). Penyelaras, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Prof. Madya Dr. Hasbullah Muhammad telah memilih dua orang peserta iaitu En. Roslan Aziz dan En. Juhari Salleh bagi menjalankan projek penternakan dan pembangunan baka puyuh sebagai projek kedua di ladang peserta komuniti, Kampung Gong Batu, Kuala Setiu.

Bagi projek puyuh ini, peserta telah memilih puyuh jenis kacukan tempatan. Pada peringkat permulaan, 300 ekor anak puyuh telah dibawa masuk dan bertambah sehingga seribu ekor dalam satu-satu masa. Projek puyuh ini mendatangkan hasil dalam pelbagai bentuk antaranya jualan telur, umpan pancing (embrio), anak puyuh, daging puyuh sejuk beku dan puyuh hidup mengikut permintaan. Induk puyuh mampu mengeluarkan telur sebanyak 220 hingga 250 biji setahun.

Telur puyuh mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan disebabkan khasiatnya yang tinggi. Harga jualan telur puyuh adalah sekitar RM22.00 hingga RM25.00 bagi seratus biji. Berdasarkan laporan MyAgri.com.my, telur puyuh merupakan sumber makanan yang sangat berkhasiat. Telur burung puyuh dapat menstabilkan paras hemoglobin, menyingkirkan batu karang dari hati, ginjal dan hempedu, meningkatkan metabolisme, menyuburkan kelenjar prostat, melancarkan sistem saraf, membaiki fungsi otak, menguatkan imunisasi tubuh dan merawat alahan.

Selain itu, telur puyuh boleh mengubati penyakit kulit seperti ekzema dan psoriasis, resdung dan asma. Menurut satu laporan kajian yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), telur puyuh adalah lebih sihat kerana kandungan kolestrol dan lemaknya lebih rendah daripada telur ayam.

Penternak akan menyimpan sebahagian telur puyuh untuk dimasukkan ke dalam inkubator bagi tujuan biak baka. Anak puyuh akan menetas pada hari ke-17. Anak puyuh yang kering akan dipindahkan ke sangkar yang siap dipasang lampu bagi memastikan anak puyuh tidak kesejukan selama dua minggu. Sekiranya ada permintaan, anak puyuh berusia 1 hari ini akan dijual dengan harga RM 0.70 seekor. Harga anak puyuh akan meningkat seiring dengan umur puyuh tersebut. Bagi puyuh berusia 14 hari, harga jualan mencecah RM2.00 seekor.

Bagi tujuan daging puyuh pula, puyuh berusia 25 hari sudah boleh dituai. Daging puyuh akan diproses dan disimpan sejuk beku untuk dijual dalam pasaran tempatan dengan harga jualan RM22.00-RM25.00. Selain itu, untuk tujuan telur, puyuh akan disimpan selama 5 bulan. Puyuh akan mula mengeluarkan telur pada usia 50 hari dan setelah berusia lima bulan, ia akan dijual sebagai daging. Semakin berusia puyuh tersebut, semakin kurang hasil telur yang dikeluarkan. Anggaran pengeluaran telur maksimum ialah 93 peratus dan akan terus bertelur pada tahap 60 peratus selama satu tahun.

Projek ini masih di peringkat awal. Pihak UCTC dan penternak masih berusaha untuk mengembangkan industri ini ke tahap komersial. Masalah yang sering dihadapi oleh penternak adalah bekalan benih puyuh yang sangat terhad. Penternak baka induk puyuh perlu mencari inisiatif untuk meningkatkan penghasilan baka puyuh agar dapat memenuhi permintaan pasaran.



FBIM Jalin Kerjasama bersama QSR Brands Sdn. Bhd.



Program 2u2i merupakan salah satu mod pengajian baharu yang menggabungkan elemen universiti dengan industri. Melalui mod pengajian ini pelajar akan menjalani pengajian di universiti selama dua tahun dan dua tahun lagi di industri. Mod pengajian ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai model seperti 2u2i, 3u1i, 2u1i, dan 1½u1½i, bergantung kepada tempoh pengajian sesuatu program. Di UniSZA, salah satu program yang dijalankan menerusi mod pengajian 2u2i adalah program Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan (SMPKH) di bawah Pusat Pengajian Sains Haiwan, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). Tidak mahu ketinggalan dengan perkembangan semasa, QSR Brands Sdn. Bhd. telah mengorak langkah dengan mengadakan perbincangan bersama wakil FBIM mengenai kerjasama 2u2i UniSZA-FBIM bersama QSR Brands Sdn. Bhd.

Perbincangan program 2u2i UniSZA-FBIM bersama QSR Brands Sdn. Bhd. telah diadakan pada 8 Januari bertempat di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Dekan FBIM, Prof Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd. Turut hadir ialah Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah FBIM, Dr. Ahmad Syazni Kamarudin; Ketua Pusat Pengajian Sains Haiwan, Dr. Mohd Nizam Haron; dan wakil pensyarah FBIM, Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus, Dr. Asmad Kari, dan Dr. Siti Mariam Zainal Ariffin. Manakala pihak QSR Brands Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengurus Besar Pejabat Pengarah Urusan QSR Brands, Puan Sharifah Musainah Syed Alwi; dan Pengurus Kawasan, Encik Mohd Faizal Nik Melliki. Turut hadir ialah Pengarah Pusat Kesenian dan Warisan UniSZA, Dr. Muhamad Fazil Ahmad yang merupakan mantan CEO@faculty QSR Brands.

Kerjasama program 2u2i UniSZA-FBIM bersama QSR Brands Sdn. Bhd. ini bertujuan menyokong pendidikan fleksibel dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk Lonjakan 1, iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Kerjasama dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar terhadap persekitaran kerja. Selain itu, pelajar SMPKH bakal menjalani latihan industri di ladang-ladang yang diuruskan oleh QSR Brands Sdn. Bhd.. Perbincangan seumpama ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi hubungan UniSZA terutamanya FBIM dengan industri-industri yang berkaitan, seterusnya meningkatkan mutu dan kualiti graduan yang dihasilkan oleh UniSZA.



INSPIRE Komited Anjur Kem Saintis Ulul Albab

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), telah menganjurkan satu program Kem Saintis Ulul Albab yang bertempat di Kem Kokurikulum, Merang, Setiu. Kem yang berlangsung selama tiga hari dua malam bermula dari 1 - 3 November 2018 adalah kerjasama daripada Majlis Dakwah Negara Terengganu (MDNT), Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI). Program ini merupakan program tahunan INSPIRE.

Tujuan kem ini diadakan adalah untuk melahirkan generasi baharu yang berupaya menghayati kejadian alam dan mengaitkannya dengan kewujudan dan kekuasaan tuhan melalui pendekatan al-Quran dan kajian saintifik. Kem ini juga dapat mengasah bakat peserta dalam pengurusan kepimpinan dan mempertingkatkan pelbagai kemahiran praktikal dan insaniah serta daya kreativiti sebagai agen transformasi bagi negara dan ummah.

Seramai 70 peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dari Terengganu dan luar Terengganu yang menyertai kem ini. Program ini diketuai oleh Felo Penyelidik INSPIRE, Dr. Fauzi Yusoh. Kem ini turut diisi dengan slot-slot yang telah disampaikan oleh para Felo Penyelidik INSPIRE. Tema kem kali ini ialah “3i (Iman, Islam dan Ihsan) Memacu Saintis Gemilang”. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang program ini ialah slot Latihan Dalam Kumpulan bersama fasilitator, Tadabbur ‘on the track’, Water Confidence/Renang/Berkayak, Surat Wasiat Khalifah dan persembahan ‘Aku Khalifah Allah’ daripada setiap kumpulan peserta.

Program ini turut diserikan dengan ucapan perasmian oleh Pesuruhjaya Majlis Dakwah Negara (MDN) Terengganu, Dato’ Haji Ismail Ali. Turut hadir ialah Pengarah INSPIRE, UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam. Berikut sambutan yang diterima daripada peserta amat menggalakkan, pihak INSPIRE akan terus bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam menganjurkan program seumpama ini pada masa akan datang.





Lawatan dan Taklimat Pusat Pemprosesan Susu Kambing

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JPVNT) telah menjemput Penyelaras Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Prof. Madya Dr. Hasbullah Muhammad dan Pegawai Pertanian, Salma Tajuddin untuk menyertai Lawatan dan Taklimat Pusat Pemprosesan Susu Kambing. Program ini telah diadakan pada 7 Januari 2019 di Akademi Pengembangan Veterinar Jenang.

Satu pusat pemprosesan susu kambing bakal dibuka dengan kerjasama Tenox Agrobusiness (M) Sdn. Bhd. (Tenox) dan JPVNT. Tenox adalah sebuah syarikat bumiputera yang mengusahakan ternakan kambing yang memberi tumpuan kepada penghasilan susu kambing segar serta produk-produk hiliran lain seperti sabun dan yogurt secara komersil.

Taklimat penerangan tentang pusat pemprosesan ini telah disampaikan oleh Pengarah JPVNT, Dr. Mohd Termizi Ghazali. Bagi memastikan kualiti susu kambing yang diterima oleh pusat ini memenuhi piawaian yang ditetapkan, para penternak secara langsung perlu memastikan pemakanan kambing susu mengikut garis panduan

yang telah ditetapkan. Selain itu, kambing juga mesti bebas daripada penyakit yang merbahaya.

Dr. Wan A'aidah Wan Hashim telah menerangkan secara terperinci tentang persampelan dan kawalan penyakit seperti *mastitis*, *brusellosis* dan *Q-Fever*, yang akan dijalankan secara berkala kepada semua penternak yang ingin menjual susu kepada pusat ini. Kawalan penyakit amat penting bagi memastikan susu selamat diminum dan kawalan penyebaran penyakit berjangkit dari haiwan ke manusia dapat dikawal terutama bagi penyakit *brusellosis* dan *Q-Fever*.

Menurut Pengarah Urusan Tenox, En. Muhammad Hariz Nordin, kilang ini mempunyai kapasiti memproses susu sebanyak 1,000 liter sehari. Pusat pemprosesan ini akan menjadi sokongan kepada penternak berskala kecil dan sederhana di seluruh negeri Terengganu untuk menjana sumber pendapatan. Penternak yang ingin menjual susu ke pusat ini, wajib menandatangani perjanjian skim penjualan susu kambing selama tiga tahun dan tempoh ini boleh dilanjutkan.

Lawatan Ilmiah

Jawatankuasa Akreditasi Kolej Matrikulasi Melaka ke PUSPA

Seramai 38 orang Jawatankuasa Akreditasi Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) telah mengadakan lawatan ilmiah pada 12 November 2018 ke Pusat Asasi Sains dan Perubatan, UniSZA (PUSPA). Objektif lawatan tersebut diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang tatacara penyediaan dokumen sepanjang proses mendapatkan perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency -MQA*).

Lawatan ini secara khususnya bertujuan untuk berkongsi pengalaman pihak PUSPA yang telah berjaya mendapat perakuan akreditasi penuh daripada pihak MQA pada 5 Disember 2016. PUSPA yang diketuai oleh Pengarah, Prof. Madya Dr. Salwani Ismail, serta barisan staf yang komited dan dedikasi berganding tenaga bagi mendapatkan perakuan tersebut.



Sidang perkongsian yang dipengerusikan oleh Pengarah PUSPA, telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Pentadbiran, UniSZA Kampus Gong Badak. Dalam majlis tersebut, pihak PUSPA memperinci dan menyatakan contoh keperluan dokumen serta kandungan yang perlu disediakan mengikut item yang digariskan oleh pihak MQA. Tujuh item yang dipecahkan mengikut bahagian telah dikemukakan bagi memenuhi standard keperluan dalam menyediakan permohonan perakuan akreditasi tersebut.

Sesi perkongsian oleh pihak PUSPA diharapkan dapat membantu pihak KMM dalam usaha mendapatkan perakuan akreditasi daripada pihak MQA pada masa hadapan.



Lawatan Kerja ke Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)

Pusat Kualiti Akademik & e-Pembelajaran (AQeL), UniSZA telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) pada 20 Disember 2018..

Objektif utama aktiviti tersebut adalah untuk mempelajari dan bertukar-tukar pendapat tentang kaedah melakukan pemindahan kredit terhadap kursus-kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) yang telah dihasilkan selain melihat serta meninjau Sistem *Outcomes Based Education* (OBE) yang telah dibangunkan oleh pihak UTeM. Lawatan kerja yang diketuai oleh Timbalan Pengarah e-Pembelajaran, AQeL Dr. Suhailan Safie telah disambut dan diberikan taklimat oleh Ketua Bahagian Sumber Pembelajaran Terbuka, Prof. Madya Dr. Norasiken Bakar dan Ketua Bahagian Pembangunan e-Kandungan Asli, Encik Ahmad Shaarizan Shaaran. Taklimat dan penerangan yang padat tersebut telah sedikit sebanyak memberikan panduan kepada seluruh ahli rombongan yang turut disertai oleh Dekan Fakulti Informatik & Komputeran, Prof. Madya Dr Shadiah Nor Wan Shamsuddin, Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Holistik UniSZA, Puan Norkhairani Abdul Rawi, wakil dari Pejabat Bendahari dan kakitangan pentadbiran AQeL.

Lawatan tersebut memberikan satu pengalaman dan pengetahuan yang berharga kepada semua peserta selain dapat bertukar-tukar pendapat tentang hal berkaitan e-pembelajaran selaras dengan cabaran dan perkembangan masa kini.



Mahasiswa FSSG Menyusuri Kehidupan Gelandangan

Pada 21 - 23 November 2018, Pusat Pengajian Antropologi dan Dakwah FSSG telah melaksanakan program pengajaran di luar kelas serta aktiviti kemasyarakatan. Kursus ini telah menjalankan program Tinjauan Pelaksanaan Kebajikan Sosial di Kuala Lumpur melibatkan semua pelajar semester tujuh kursus Sistem Kebajikan Sosial di Malaysia. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan pelaksanaan kebajikan sosial di Malaysia melalui teori yang dipelajari di dalam kelas. Pelajar telah bertemu dengan sekumpulan gelandangan serta memberikan bantuan kepada mereka sebagai salah satu khidmat sosial. Menurut pensyarah kursus, Dr. Wan Nur Jazmina Wan Ariffin, para pelajar kelihatan teruja terhadap isu gelandangan

malah mereka dapat merasai sendiri kepentingan sistem kebajikan yang diamalkan di Malaysia. Hasil daripada tinjauan berkenaan, kebanyakan daripada gelandangan ini memilih hidup sebegini akibat daripada masalah keluarga, kewangan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka bertekad untuk memilih kehidupan sebegini kerana ia merupakan satu-satu penyelesaian kepada permasalahan kehidupan yang dihadapi walaupun menyedari ia bukan satu kehidupan yang baik. Program ini berupaya memberikan sesuatu makna yang besar dalam pembelajaran agar teori dan aplikasi dapat dilaksanakan selari dengan keperluan pembelajaran dan pengajaran di UniSZA.

Lawatan Penanda Aras

bagi Latihan Industri dan Kebolehpasaran Graduan



Pusat Perkhidmatan Kerjaya/*Career Services Centre* (CSC), Universiti Taylor. Sesi lawatan ini telah dihadiri oleh Pengarah PJIM, Tuan Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman, Pengarah PKKP, Dr. Roslan Awang, Timbalan Pengarah PJIM, Dr. Azrul Amri Jamal, dan dua orang pegawai.

Lawatan ini telah dimulakan dengan sesi taklimat mengenai pengenalan dan latar belakang Universiti Taylor dan kebolehpasaran graduan yang telah disampaikan oleh Ketua, Kebolehpasaran Graduan, CSC, Encik Izwal Mazlan dan diikuti dengan sesi taklimat mengenai latihan industri yang telah disampaikan oleh Ketua, Pengurusan Latihan Industri, CSC, Puan Raja Edriana Baizura. Lawatan diteruskan dengan sesi dialog dan perbincangan secara menyeluruh mengenai latihan industri dan kebolehpasaran graduan. Lawatan diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati antara UniSZA dengan Universiti Taylor dan rombongan UniSZA dibawa melawat sekitar kawasan Universiti Taylor serta diberi penerangan mengenai operasi di situ. Lawatan ini berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama yang amat baik dari pihak tuan rumah.



menggalakkan lagi pelajar untuk menjalankan aktiviti di ruang tersebut. Ruang tersebut turut berfungsi untuk menyampaikan informasi berkenaan kebolehpasaran pelajar. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, rata-rata peserta yang terlibat memberikan maklum balas yang positif dan berharap lawatan penanda aras yang berimpak besar sebegini diteruskan pada masa akan datang dengan memperluaskan lawatan ke universiti awam yang lain.

Lawatan ini diharap mampu mencari titik tolak penyelesaian terhadap permasalahan isu semasa yang timbul melibatkan sistem latihan industri dan juga pelaksanaan latihan industri serta dapat menjana idea bagi penambahbaikan pelaksanaan latihan industri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan UniSZA.

Lawatan penanda aras bagi latihan industri dan kebolehpasaran graduan diadakan dengan tujuan berkongsi pandangan mengenai keberkesanan dan amalan terbaik berkenaan pelaksanaan latihan industri dan sistem latihan industri serta keberkesanan dan amalan terbaik bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Lawatan ini dilihat berupaya menjadi satu medium yang sesuai untuk mencetus transformasi terhadap pelaksanaan latihan industri dan sistem latihan industri yang berkesan serta seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan UniSZA.

Sehubungan dengan itu, pada 28 November 2018 bertempat di Kampus Lakeside, Universiti Taylor, Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) dan Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) telah mengadakan satu Lawatan Penanda Aras bagi Latihan Industri dan Kebolehpasaran Graduan ke

Lawatan ini dilihat sebagai satu platform yang amat baik dalam membina jaringan dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, serta amalan terbaik antara kedua-dua buah universiti terutamanya mengenai sistem latihan industri mereka iaitu *Taylor SEEDS (Student Employability, Enhancement, and Development System)* yang telah digabungkan dengan aplikasi pengambilan pekerja oleh industri. Selain itu, Universiti Taylor menyediakan Takwim Latihan Industri dan membuat universiti merekadi samping menyediakan *My Career Passport* iaitu buku garis panduan latihan industri yang diberikan kepada pelajar sejak dari semester satu lagi. Universiti Taylor juga menyediakan *Jobstreet Lounge* yang merupakan satu sudut ruang yang ditaja oleh Jobstreet bagi

Program CEO@Faculty

Bersama Staf Akademik dan Pelajar FESP



CEO Faculty ialah satu aktiviti universiti yang melibatkan tokoh industri bagi tujuan perkongsian kepakaran dan pengalaman di samping menjadi ikon kejayaan kepada pelajar. Datuk Dr. Syed Muhamad Syed Abdul Kadir telah dilantik sebagai *CEO Faculty Programme* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di UniSZA berkuatkuasa 1 Januari 2016. Beliau merupakan Pengerusi Sun Life Malaysia (Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad).

Program *CEO@Faculty* telah diadakan pada 9-10 Disember 2018 bertempat di Dewan Perdana dan Bilik Mesyuarat Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP), UniSZA, Kampus Gong Badak. Objektif utama program kali ini ialah merangka kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perundingan bagi tujuan perkongsian kepakaran daripada industri kepada staf akademik dan mengukuhkan jaringan antara fakulti dengan industri.

Program ini juga memberi peluang kepada pihak fakulti untuk merangka peluang latihan industri kepada pelajar program *Seminar of Risk and Control Series 7* yang telah diadakan pada 9-10 Disember 2018 telah memberi pendedahan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) dengan Kepujian berkaitan isu terkini pengurusan risiko dan insurans.

Impak program ini ialah mendapat peluang kerjasama penyelidikan melalui padanan penyelidikan antara staf akademik dengan syarikat Sun Life Malaysia. Para pelajar pula dapat memenuhi keperluan kursus *Seminar of Risk and Control*, FBR 40306 bagi program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Risiko dan Takaful) dengan Kepujian.

Lanjutan daripada program *CEO@Faculty*, CEO Sun Life telah memohon pihak fakulti menyediakan kertas kerja permohonan geran Sun Life dan kertas kerja permohonan program sangkutan staf di industri. Beliau juga telah membenarkan pihak fakulti memohon lima orang pelajar dihantar untuk menjalani latihan industri di Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad.



Program Pemeriksaan Mata dan Sumbangan Cermin Mata Percuma kepada Komuniti Besut



Kepakaran ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang yang dimiliki UniSZA seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya sebagai instrumen untuk memajukan masyarakat dan mencapai matlamat dasar pembangunan kerajaan. Sehubungan itu, program pemeriksaan mata dan sumbangan cermin mata percuma telah dianjurkan oleh pihak Pejabat Pengarah Kampus Besut dengan kerjasama Fakulti Perubatan, yang menyasarkan kepada komuniti di Dewan Undangan Negeri Jabi, Besut.

Program ini telah diadakan pada 11 Disember 2018 bertempat di Masjid Kg. Tempinis, Besut yang disertai oleh lebih 250 orang penduduk sekitar DUN Jabi berbanding sasaran awal iaitu seramai 200 orang. Seramai sepuluh orang staf Kampus Besut yang diketuai oleh Pengarah AGROPOLIS, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali dan pakar mata dari Fakulti Perubatan (FP) Prof. Dr. Abdul Mutualib Othman serta dibantu oleh 16 orang pelajar FP terlibat dalam program ini. Seramai 20 orang wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Tempinis dan ahli jawatankuasa Masjid Kg. Tempinis turut membantu menjayakan program ini.

Program ini bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang. Hasil pemeriksaan yang dibuat mendapat seramai 51 orang perlu mendapatkan

rawatan lanjut di Hospital Besut atau Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Lapan orang perlu mendapatkan rawatan perubatan dan pembedahan, manakala seramai 51 orang memerlukan cermin mata dan selebihnya disahkan normal.

Pada 12 Januari 2019, pemeriksaan mata menggunakan mesin dan secara manual telah dibuat di lokasi yang sama oleh pihak Oasis Optometris, Jerteh. Seramai 51 orang yang terlibat telah hadir untuk membuat pemeriksaan kali kedua. Kebanyakan maklum balas peserta adalah sangat baik kerana mereka bakal mendapat cermin mata yang bersesuaian dengan masalah mata yang dihadapi.

Majlis penyerahan cermin mata percuma pula akan diadakan dan dijangka disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, Dr. Azman Ibrahim kepada mereka yang terlibat.

Pihak institut dan UniSZA berharap program komuniti seumpama ini bukan sahaja dapat memanfaatkan kedua-dua pihak, bahkan dapat meningkatkan peranan dan hubungan UniSZA dalam pembangunan komuniti sekitar. Program ini juga mampu meningkatkan sahsiah diri pelajar yang terlibat dalam melaksanakan program dari sudut kepimpinan, semangat kesukarelawan dan kerjasama.

Program Pengajaran Luar Kelas

FSSG Membuka Minda Mahasiswa



Fakulti Sains Sosial Gunaan merupakan salah satu fakulti yang banyak menganjurkan program komuniti bersama masyarakat sekitar UniSZA dan di luar Terengganu. Pada 21 November 2018, bertempat di Pantai Mengabang Telipot, Terengganu, Pusat Pengajian Antropologi dan Dakwah telah melaksanakan program pengajaran di luar kelas serta aktiviti kemasyarakatan. Program ini melibatkan semua pelajar kursus Gender semester tujuh. Selain belajar di pantai, pelajar juga telah menjalankan aktiviti khidmat komuniti dengan membersihkan kawasan pantai dan sekitarnya. Menurut pensyarah kursus ini, Prof. Madya Dr. Norizan Abdul Ghani, aktiviti pengajaran di luar kelas dapat memberi kesan yang sangat positif kepada para pelajar serta memberi peluang bagi mereka mengaplikasikan setiap teori yang dipelajari di dalam kelas untuk kehidupan bermasyarakat. Program seumpama ini tidak boleh hanya diadakan secara bermusim malah perlu dilakukan secara berkala supaya hubungan baik dengan masyarakat kekal terpelihara di samping dapat memupuk semangat perpaduan serta kerjasama antara semua pihak yang terlibat.

UniSZA Academic Programmes in High Demand in Africa



Internationalisation is not just about having more international students studying at UniSZA. It is also about UniSZA staff and students travelling abroad, to study, network and share our expertise with others. One facet of sharing our expertise can be done by offering our academic programmes overseas. In 2018 UniSZA worked to establish undergraduate degrees in Mauritius. For 2019 we have set our sights on Africa.

Currently UniSZA's international student population stands at over 1,000 with 20% of this number coming from 16 different countries throughout Africa. In order to further expand our influence in the region, we intend to look seriously at offering a wide array of our programmes in Tanzania. Work has already begun with Abdulrahman Al-Sumait Memorial University in Zanzibar, better known as SUMAIT University. Established in 1998, SUMAIT is serious about collaborating with UniSZA to offer diplomas, degrees and even postgraduate programmes at their campus in Zanzibar.

In support of this venture, UniSZA signed a Letter of Intent with SUMAIT in December 2018. The signing took place in Kuala Lumpur where discussions were held about what programmes to offer, as well as a wide host of other issues. Representing the universities were the Vice Chancellor of SUMAIT, Professor Dr. Amran MD Rasli, and for UniSZA, Deputy Vice Chancellor (Academic and International) Professor Dr. Mahadzirah Mohamad. Also participating in the discussion were Professor Dr. Ahmad Shukri Yazid, Director, Centre for Income Generation and Commercialisation, Dr. Mohd Adzim Khalili Rohin, Director, Centre for Continuing Education, and Anuar McAfee, Director, International Centre, UniSZA.

Based on feedback from SUMAIT, UniSZA programmes are highly sought after in the African market. For example, our Diploma in Teaching English as a Second Language (TESL) is expected to receive a large response as many English language teachers in Tanzania have little training. Our diploma in TESL will fill an existing gap, allowing graduates to advance their career as trained teachers. This is just but one area in which UniSZA can have a positive impact on education in Tanzania today.

With cooperation from UniSZA faculties and the Centre for Continuing Education, together with support from university management, the International Centre hopes to facilitate another successful international franchise programme in 2019.

Kumpulan Gamelan UniSZA

Terima Jemputan China Persembahkan Lima Lagu



Astanasari telah mempersembahkan lima buah lagu iaitu Timang Inu, Togok, Timang Burung, Inang Cina dan Wau Bulan. Kesemua lagu tersebut merupakan lagu tradisional dan bercirikan lenggok melodi negeri Terengganu.

“Persembahan ini bukan hanya mewakili UniSZA dan negeri Terengganu sahaja malah ia adalah persembahan yang mewakili Malaysia,” kata Pengarah PKW, Dr. Muhamad Fazil Ahmad.

Astanasari membuat persembahan bersama pemuzik profesional daripada wilayah-wilayah sekitar China, Korea dan Jepun. Program yang bermula 10 Januari yang lepas itu turut mengadakan pelbagai aktiviti seperti persembahan, konsert serta bengkel kesenian.

Sepanjang program tiga hari di China, Astanasari turut memenuhi jemputan bagi mengadakan bengkel bertajuk Pendidikan Muzik dan Muzik Gamelan di Malaysia yang dibentangkan oleh pengarah PKW. Selain itu, Astanasari turut mengadakan persembahan dan lawatan di sekitar Shenzhen dan pinggiran Hong Kong.

Tahun ini, PKW dan Astanasari akan memenuhi undangan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta terutamanya dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Program tersebut bertujuan memperkenalkan budaya negara serta muzik Gamelan Terengganu kepada masyarakat tempatan.

Kumpulan Gamelan, Astanasari, Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), diberi penghormatan mengadakan persembahan jemputan Chinese Musicians Association College Music Alliance, Shenzhen Baoan District Committee Publicity Department, Shenzhen Municipal Baoan District Xixiang, China pada 10 – 12 Januari yang lalu.

Astanasari telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah PKW. Objektif penubuhan kelab ini adalah untuk memperluaskan muzik tradisional Malaysia serta aktiviti kokurikulum untuk pembangunan bakat pelajar UniSZA. ‘Astana’ berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud istana atau kediaman raja. ‘Sari’ yang juga sinonim bermaksud tema, motif atau tajuk menunjukkan Astanasari sebagai tema istana.



FP Jalin Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi di Medan, Indonesia



Fakulti Perubatan (FP) mengambil inisiatif mengadakan lawatan akademik pada 5-8 Disember 2018 ke Institut Kesehatan Helvetia (IKH), Institut Kesihatan Deli Husada Deli Tua (IKDH), Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan. Lawatan ini secara tidak langsung memenuhi lonjakan kelapan, iaitu Keunggulan Global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kualiti akademik bertaraf antarabangsa melalui kerjasama penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, program mobiliti pelajar, pertukaran staf dan pelajar. Selain itu, FP turut menganjurkan Bengkel Pembangunan Proposal Penyelidikan kepada staf akademik IKH yang menyambung pengajian di UniSZA. Bengkel ini juga terbuka kepada ahli akademik yang lain.

Seramai empat orang ahli delegasi daripada FP terlibat dalam lawatan tersebut iaitu Dekan, Prof. Dr. Nordin Simbak; Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah, Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff; Prof. Madya Dr. Aniza Abd Aziz, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan; dan Penolong Pendaftar Kanan Puan Siti Maliani Abdullah.

Pada hari pertama lawatan, semua delegasi dibawa ke Institut Kesihatan Medistra Lubuk Pakam (IKLMP), Hospital Grand Medistra di Lubuk Pakam dan disambut oleh Rektor Dr. David Ginting serta pengurusan hospital. Lawatan diteruskan ke Institut Kesehatan Deli Husada, Deli Tua yang disambut oleh Rektor iaitu Drs. Johannes Sembiring, pengurusan institut, pensyarah serta pelajar. Pada waktu petang, semua delegasi dibawa ke Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) dan diraikan oleh Dekan Fakultas Kedoktoran UISU, tiga wakil dekan, penyelaras program dan koordinator kualiti.

Hari kedua lawatan pula dipenuhi dengan Bengkel Pembangunan Proposal Penyelidikan yang telah diadakan di Institut Kesihatan Helvetia (IKH), Medan. Bengkel yang dijalankan selama tiga hari ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Rektor IKH, Dr. H.Ismail Efendi; Pengasas Yayasan IKH, Imam Mohamad; dan Pemilik IKH Dr. Bekum Ge. Aktiviti bengkel kemudian diteruskan dengan penyampaian syarahan oleh Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff dan Prof. Dr. Nordin Simbak.

Selain itu, bengkel ini turut memuatkan slot penulisan tinjauan literatur dan penulisan metodologi kajian. Pada hari terakhir bengkel, setiap kumpulan yang terdiri daripada beberapa peserta telah membentangkan usul penyelidikan dan diselia oleh Prof. Dr. Nordin Simbak, Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff dan Prof. Madya Dr. Aniza Abd Aziz. Setelah bengkel berakhir, semua delegasi dibawa ke Hospital Mitra Medika dan hospital pengajar IKH untuk melihat kemudahan peralatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di hospital tersebut.

Lawatan ke Medan menghasilkan pencapaian berikut:

1. Ramai yang berminat untuk meneruskan pengajian peringkat doktor falsafah di UniSZA. Rektor IKDH telah berjanji akan menghantar 13 orang pensyarah untuk melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah di UniSZA.
2. Mencapai persetujuan untuk memperkasakan *Asian Journal of Medicine & Biomedicine* (AJMB) di bawah Fakulti Perubatan UniSZA dengan menambah editor antarabangsa daripada kalangan pensyarah UISU, Jepun dan UK.
3. Fakulti Perubatan dan UISU ingin berkerjasama dalam membangunkan MOOC perubatan Islam.
4. Mengadakan mobilisasi pelajar antara FP dengan beberapa buah institusi yang dilawati.
5. Mempelawa staf akademik Fakulti Kedokteran UMSU untuk menyambung pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di UniSZA dengan anggaran kos pembiayaan pengajian sekitar RM10,000 untuk keseluruhan pengajian.
6. Penerbitan Scopus bersama dengan syarat penulis pertama adalah penyelia utama antara kedua-dua pihak.
7. Memulakan aktiviti kolaborasi dalam bidang *Tropical Medicine* antara dua fakulti, UMSU dan UniSZA.

Lawatan ini menjadi satu platform utama dalam menjalin kerjasama dengan universiti-universiti luar negara seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk keterlihatan universiti di peringkat global.



Staf Akademik FESP

sertai THE 1st ACEH GLOBAL CONFERENCE

The 1st Aceh Global Conference telah diadakan pada 17 – 19 Oktober 2018 bertempat di Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia. Ia adalah anjuran bersama antara Fakulti Ekonomi dan Bisnis (FEB), Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia dengan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP), Universiti Sultan Zainal Abidin, (UniSZA).

Objektif penyertaan dalam *The 1st Aceh Global Conference* adalah memenuhi keperluan Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai bersama pada 7 Oktober 2017 yang memberi impak kepada peningkatan taraf MyRA UniSZA di peringkat antarabangsa; memberi peluang kepada para penyelidik dari UniSZA membentangkan hasil penyelidikan masing-masing di peringkat antarabangsa; mengeratkan rangkaian hubungan akademik antara FEB, Universitas Syiah Kuala dengan FESP serta peserta persidangan di peringkat antarabangsa; dan memperkuatkan nama UniSZA di peringkat antarabangsa, khasnya di Indonesia.

Peserta terdiri daripada Dekan, Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud; Timbalan Dekan (HEPA), Prof. Madya Dr. Fauzilah Salleh; Ketua Pusat Pengajian Sains Pengurusan, Dr. Rashidah Mohamad Ibrahim; pensyarah universiti iaitu Dr. Mohd Sadad Mahmud, Dr. Noor Aina Amira Mohd Noor, Dr. Yusnita Yusof dan Puan Nor Mazlina Abu Bakar.

Dekan FESP telah diberi penghargaan sebagai pengucaptama di persidangan tersebut dengan tajuk *A Comparative Study of the Takaful Rules and Regulation for Malaysia and Indonesia Act*. Peserta yang lain turut membentangkan kertas kerja masing-masing dalam persidangan tersebut.

Pembentang kertas penyelidikan iaitu Ketua Pusat Pengajian Sains Pengurusan, Dr. Rashidah Mohamad Ibrahim dan pensyarah universiti, Dr. Yusnita Yusof telah mendapat anugerah *Best Presenter Award*, manakala Dr. Noor Aina Amira Mohd Noor dan Puan Nor Mazlina Abu Bakar telah mendapat anugerah *Best Paper Award* bagi kertas penyelidikan yang dibentang oleh mereka semasa sesi persidangan berlangsung.

Sepanjang berada di Aceh, FESP juga telah dijemput oleh Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Sabang (STIES) yang berminat untuk menjalankan kerjasama dengan FESP. Buat masa ini, kedua-dua belah pihak sedang meneliti dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) untuk ditandatangani.

Selaras dengan Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai pada 7 Oktober 2018 tersebut di mana telah menjadi amalan bagi kedua-dua pihak mengadakan konferensi bersama secara bersilang tahun.





1

2

3

4

5

Majlis Penghargaan dan Insentif WUC - AUG – Liga Bolasepak IPT 2018

Naib Juara dalam Liga Bolasepak IPT 2018
(Divisyen 1)

Pemilihan Pasukan Memanah Kebangsaan

7 Atlet UniSZA mewakili Malaysia dalam Asean University Games (AUG) 2018

1 pingat perak dalam World University Taekwondo Festival

Kejohanan Kedua Sukan Inter-Asasi Peringkat Kebangsaan Universiti Awam, (IAG) 2019



Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA), bersama Asasi Sains , Teknologi, Kejuruteraan dan Matemaik (STEM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Inter-Asasi Universiti Awam (IAG) Peringkat Kebangsaan Kali ke-2, 2019 yang bermula 23-26 Januari. Kejohanan tersebut berlangsung di UniSZA Kampus Gong Badak dan UMT.

Kejohanan ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin pada 25 Januari 2019 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Bertemakan *Stay Fit Stay Connected with Games*, IAG 2019 dianjurkan dengan tujuan membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar asasi dan matrikulasi. Kejohanan sukan ini berjaya mendapat kerjasama dari sebelas pusat asasi universiti awam dan Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM), seterusnya secara tidak langsung telah membuka jaringan persahabatan yang hebat dan harmonis antara kedua-dua belah pihak.

Kejohanan ini disertai seramai 916 orang atlet serta pegawai pengiring. Sebanyak sepuluh acara telah dipertandingkan sepanjang empat hari kejohanan berlangsung seperti bola jaring, bola tampar, bola sepak, boling padang, futsal, badminton, renang, petanque, memanah dan catur, di samping satu acara tambahan telah dianjurkan oleh pihak STEM, UMT iaitu ‘Turtle


Fun Run’. Selain itu, bagi memeriahkan lagi kejohanan kali kedua itu, sukan antara staf iaitu larian baton berkain batik turut diadakan.

Semangat yang tinggi dan bakat sukan terpamer pada gerak langkah setiap atlet yang datang dari latar belakang yang berbeza. Walaupun demikian, matlamat utama adalah bagi melihat kesatuan dan memupuk semangat kesukanan para atlet dari pelbagai institusi dapat dicapai. Sukan dalam erti kata lain, bukan sekadar wadah untuk kekal sihat, tetapi juga wadah mengeratkan ukhwah.

Majlis penutup, dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif pada 26 Januari 2019. Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA, Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh.

Majlis penutup ini disusuli dengan penyampaian hadiah kepada pasukan yang menang. Sebanyak 92 pingat disampaikan mengikut kategori masing-masing. PUSPA sebagai tuan rumah meraih enam pingat iaitu satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Juara keseluruhan IAG 2019 dimenangi oleh kontinjen MSMM yang berjaya memungut sebanyak sebelas pingat emas, lima pingat perak dan satu pingat gangsa. Pasukan MSMM membawa pulang trofi Johan Keseluruhan IAG 2019.




Judul: Globalisasi dalam Masyarakat Malaysia Wacana Terfokus

Penulis: Yendo Afgani@Eusoff, Ahmad Puad Mat Som

ISBN: 978-967-0899-98-5

Harga: RM54.00

Globalisasi adalah satu fenomena pergerakan fizikal dan minda tanpa sempadan yang menyebabkan aspek masa dan ruang menjadi semakin sempit. Buku suntingan ini menerangkan idea dan konsep globalisasi yang dibahagikan kepada tiga tema besar iaitu hubungan globalisasi dengan komuniti, pelancongan dan budaya. Tema pertama membincangkan konsep, impak dan cabaran globalisasi terhadap komuniti. Tema kedua menjelaskan pelancongan global, pelancongan halal dan penjenamaan destinasi. Tema terakhir membincangkan pertembungan globalisasi dengan budaya Melayu dan kearifan tempatan serta penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap produk tempatan. Buku ini sesuai dimiliki oleh mahasiswa dan staf akademik serta masyarakat awam yang tertarik memahami fenomena globalisasi, cabaran serta pengaruhnya kepada masyarakat.



Judul: Mikrobiologi Makanan untuk Sains Kesihatan


Penulis: Mohd Adzim Khalili Rohin ,Norhayati Abd Hadi, Norhaslinda Ridzwan,

Mimie Noratiqah Jumli

ISBN: 978-967-2231-15-8

Harga: RM59.00

Buku ini meliputi isi-isu utama kawalan bakteria bawaan makanan yang menjelaskan keselamatan dan kualiti makanan. Ia mengandungi penerangan terperinci dan praktikal dalam perhitungan mikrob, pengasingan serta pengenalan bakteria bawaan makanan berpatogen, setiap bahagian bermula dengan pengenalan komprehensif, huraian dan penerangan yang mendalam mengenai mikroorganisma yang ditangani dalam bahagian tertentu di dalam buku ini. Ujian mikrobiologi merupakan alat yang berguna dalam pengurusan keselamatan makanan. walau bagaimanapun, cara pemilihan serta penggunaanya mesti seiring dengan pengetahuan, manfaat dan tujuan.



Judul: Educational Dualism in the Muslim World History, Issues and Solution

Penulis: Rahimah Embong

ISBN: 978-967-2231-16-5

Harga: RM37.00

This book explores issues on educational dualism faced by the Muslim Ummah at present. The malaise of the Muslim Ummah rooted from the co-existence of modern secular and the traditional religious systems of education in the Muslim world was explained. Two main issues were addressed in this book. The first issue is concerned with the evolution of dualism in the Muslim world, and the second one is related to the nature of an integrated curriculum as perceived by existing Islamic education institutions. In presenting the issues concerned, the author successfully brought into her prior knowledge as a teacher, academician, as well as an administrator of several institutions. This book is significant for enhancing the knowledge of education and Islamic civilization among students, educators, academics, and those who are dedicate themselves in reviving Islamic education in this globalised world.